KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الاسلامية بماليزيا
ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

# Laporan Tahunan 2001

## Kolej Universiti Islam Malaysia

# Laporan Tahunan 2001
Kolej Universiti Islam Malaysia

Perpustakaan KUIM
Unit Arkib

# Rasional Logo


**Logo** **3**

**Profil Korporat** **4**

**Struktur Pengurusan**
- Lembaga Pengarah Universiti 5
- Pengurusan Universiti 6
- Pentadbiran 8
- Laporan Rektor 9

**Hal-Ehwal Akademik**
- Pengambilan Pelajar dan Program Pengajian 15
- Perkuliahan dan Peperiksaan 17
- Senat 19
- Kegiatan dan Sumbangan Kakitangan Akademik 21
- Persidangan 23
- Penyelidikan 25

**Hal-Ehwal Pelajar**
- Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar 28
- Aktiviti 31

**Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia** **37**

**Hal-Ehwal Perkhidmatan** **45**

**Pembangunan dan Prasarana Fizikal**
- Kampus Sementara 47
- Kampus Tetap 49

**Teknologi Maklumat**
- Perkhidmatan Pengguna 52
- Pembangunan Sistem Maklumat 54

**Perpustakaan** **56**

**Hubungan Luar** **59**

**Pengurusan Kewangan 2001** **61**

## Rehal

TULISAN KUIM ( Kolej Universiti Islam Malaysia ) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

## Kubah

KUBAH yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam.

## Arabes

KELIMA-LIMA motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam.

## Litar

LITAR yang terletak bersebelahan tulisan KUIM pula bermaksud sains dan teknologi yang dibawa bersama dalam menyampaikan ilmunya.

Secara keseluruhan logo ini menunjukan Kolej Universiti Islam Malaysia sebagai sebuah institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

## Moto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertakwa

## Falsafah

Paduan antara Ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

## Wawasan

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insan yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, negara dan dunia sejagat.

## Misi

Bertekad menjadi sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam.

## Objektif

1. Memartabatkan Pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan negara.

2. Membina kesepaduan antara teori dan amali dalam diri setiap mahasiswa yang dikeluarkan.

3. Melahirkan ilmuan Islam yang berpendidikan sepadu, mampu memimpin masyarakat majmuk serta mempunyai potensi yang tinggi untuk menerajui pembangunan negara.

4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang unggul bersesuaian dengan persekitaran dan teknologi terkini.

5. Membekalkan tenaga kerja yang kukuh dengan penghayatan nilai-nilai Islam, mampu berinteraksi dan berkomunikasi dengan berkesan dalam masyarakat.

# Lembaga Pengarah Universiti



## Pengerusi
Dato' Dr. Mohd Yusof Hj. Md. Noor

## Rektor
Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

**Dua orang atau wakil mereka yang mewakili Kerajaan**

## (Wakil daripada Kementerian Pendidikan)
Prof. Dr. Hassan Said ( Sehingga 30 September 2001 )
Dato' Dr. Abdul Rahman Idris ( Mulai 1 Oktober 2001 )

## (Wakil daripada Kementerian Kewangan)
Dr. Abdul Rahim Awang Kechik ( Sehingga 30 September 2001 )
Puan Nozirah Bahari ( Mulai 1 Oktober 2001 )

**Seseorang yang mewakili masyarakat di tempat di mana Universiti itu terletak**

## Penasihat Undang-Undang Selangor
YB. Dato' Mohd. Zawawi Salleh

**Tidak lebih daripada tiga orang yang mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang pada pendapat Menteri boleh membantu Lembaga, sekurang-kurangnya seorang daripada mereka daripada sektor swasta**

Dato' Syed Amin Al Jeffri
Dato' Ahmad Tajuddin Abdul Rahman
Dato' Dr. Abdul Latiff Awang ( Sehingga 28 Februari 2001 )
Encik Izhar Sulaiman (Mulai 1 Mac 2001)

## Setiausaha
Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin

# Pengurusan Universiti



## REKTOR

Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Bin Hj. Husin
DIMP, JSM, al- Aliya, M.A, Ph.D (al-Azhar),
Dip. Pend. (Ain Shams)

## TIMBALAN REKTOR

(Akademik dan Penyelidikan)
Prof. Dato' Dr. Abdullah Bin Muhammad Zin
DPMT, al-Aliya (Madinah), al-Aliya, M.A. (al-Azhar),
Dip. Pend. (Ain Shams), Ph.D.(Kent)

## PENDAFTAR

Tuan Hj. Addenan Bin Hj. Abd. Rahman
PJK,B.A. Hons (Malaya), MPA(Iowa State)

## BENDAHARI

Puan Rohani Bt. Abu
B.Ec. (Malaya), M.Ec. (Ohio), MAIA (Ohio)

## KETUA PUSTAKAWAN

Encik Jasmin Bin Jaimon
B.Sc Hons (UKM), Post Grad. Dip. Lib.Sc (UiTM),
Dip. Sys. Analysis (UiTM)

## FAKULTI DAKWAH DAN PENGURUSAN ISLAM

Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah

Sm P.I (UK Malaysia), MA (Glasgow), PhD (Birmingham)

## FAKULTI EKONOMI DAN MUAMALAT

Prof. Dr. Muhamad Muda

Dip. (UiTM), BA (Ohio), MA (Ohio), PhD (Manchester)

## FAKULTI PENGAJIAN QURAN DAN SUNNAH

Tuan Hj. Mohd Alwi Yusoff (Pemangku Dekan)

Sijil Tertinggi, Dip. Pend.(Kolej Islam Malaya), M.A. (al-Azhar),

Dip. Pend. Khas ('Ain Shams), Senior Management Certificate (Manchester)

## FAKULTI SYARIAH DAN KEHAKIMAN

Tuan Sheikh Salim Sheikh Salleh (Pemangku Dekan)

Barrister-At-Law (Lincoln's Inn) London

L.L.M (SMU) Texas, USA, Fellow

United Nation Asian Institute of Development. (Bangkok) Thailand

Advocate and Solicitor Malaya

# Pentadbiran

**PENDAFTAR**
Tuan Hj. Addenan Bin Hj. Abd. Rahman
PJK, B.A. Hons (Malaya), MPA (Iowa State)

**TIMBALAN PENDAFTAR HAL EHWAL PELAJAR**
Tuan Hj. Mohamed Amin Salih
(Sehingga November 2000)
Sm P.I (UK Malaysia), Dip. Pendidikan (UK Malaysia), Dip. Law Admin of Islamic Judiciary (IIUM)
Encik Muhammad Haizuan Rozali
(Mulai Disember 2000)
DPI (Kusza), Sm.Sa, S.sa Psikologi (UK Malaysia)

**PENOLONG PENDAFTAR JABATAN CANSELORI / PERHUBUNGAN AWAM**
Encik Hammad Farhi Mohd Saudi
B.A Hons. (IIUM)

**PENOLONG PENDAFTAR BAHAGIAN SUMBER MANUSIA**
Cik Wan Fariza Alyati Wan Zakaria
Sm P.I (UK Malaysia)

**PENOLONG PENDAFTAR BAHAGIAN PENTADBIRAN AM**
Puan Marina Yusop
B.A. Hons. (Malaya)

**PENGARAH UNIT PEMBANGUNAN**
Ir. Daim Saian
B.Eng (Malaya), MIEM, P.Eng

**PENGARAH UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT**
Encik Idris Takyan
Sm Sn. (UK Malaysia)

**PENOLONG PENDAFTAR BAHAGIAN AKADEMIK**
Puan Monaliza Laudang
Sm Ekonomi (UK Malaysia)

**PENOLONG PENDAFTAR PENTADBIRAN FAKULTI**
Encik Mohd Asri Husain
Sm. Sa, S.sa Komunikasi (UK Malaysia)

**PENOLONG PENDAFTAR UNIT PEMBANGUNAN DAN KENDERAAN**
Encik Md. Ishah Rahman
B.Sc Hons. (Malaya)



Hasrat utama penubuhan KUIM ialah untuk memartabatkan pendidikan Islam secara positif dan inovatif dalam perkembangan arus perdana pendidikan negara yang mengutamakan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam bidang akademik meliputi pengajaran dan penyelidikan. Bagi memenuhi hasrat itu juga, penguasaan Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris di samping Bahasa Kebangsaan menjadi agenda penting dalam pembangunan akademik mahasiswa di KUIM.

Konsep asas pembelajaran dan pendidikan di KUIM adalah berteraskan kepada konsep kesepaduan ilmu naqli dan ilmu akli dalam semua program pengajian yang ditawarkan. KUIM mempunyai keunikan tersendiri dalam semua bidang pengajiannya supaya ia berjaya mencapai objektif penubuhan yang ditetapkan. Perolehan dan penguasaan ilmu menerusi sumber dan saluran bahasa tradisi bidang ilmu berkenaan, pendekatan semasa dan tradisi, serta pemahaman dan penguasaan kepada Quran, sunnah dan kitab klasik yang muktabar diberi keutamaan dan disepadukan dalam pengajaran.

Pada tahun pertama penubuhan KUIM iaitu sesi akademik 2000/2001, terdapat tiga program pengajian akademik iaitu Program Ijazah Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian; Ijazah Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian; dan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah yang ditawarkan di tiga buah fakulti. KUIM juga telah diluluskan untuk menawarkan pada sesi akademik 2002/2003 sebuah lagi program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran dan Muamalat Dengan Kepujian di bawah sebuah fakulti baru iaitu Fakulti Ekonomi dan Muamalat.

Bilangan pelajar pada tahun 2001 adalah seramai 808 orang pelajar yang terdiri daripada 253 orang pelajar tahun 2 dan 555 orang pelajar tahun 1. Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang berkaitan adalah calon-calon lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf, Lepasan Diploma (Kes Khas) dan pelajar lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STAM) .

Calon-calon Lepasan Diploma/Kes Khas adalah terdiri dari pelajar-pelajar lepasan diploma daripada institusi-institusi pengajian yang diiktiraf oleh Senat KUIM seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) dan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perkuliahan bagi semester I telah bermula pada 28 Mei 2001 dan 29 Oktober pada semester II sesi 2001/2002. Mengambilkira pertambahan bilangan pelajar pada sesi ini, maka semua perkuliahan dan peperiksaan telah ditempatkan di Tingkat 10, 11 dan 12 di Menara 'A', Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Beberapa aktiviti yang berkaitan bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dan Bahasa Arab telah dilaksanakan.

KUIM buat julung kalinya telah mengadakan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada bulan November 2001. MPP kali ini memperuntukkan 11 kerusi perwakilan yang terdiri daripada 5 kerusi Kawasan Umum dan 6 kerusi Kawasan Fakulti.

Dari segi pinjaman kewangan, sebahagian besar pelajar KUIM memperolehi pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) iaitu seramai (779 orang). Selain daripada itu, pelajar-pelajar KUIM juga diberikan bantuan biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seramai ( 33 orang) dan juga oleh Yayasan atau Kerajaan Negeri (Yayasan Selangor 4 orang, Yayasan Sabah 2 orang, MARA 2 orang dan Yayasan Melaka 1 orang). KUIM juga telah menyediakan Tabung Pinjaman Kecemasan yang bertujuan membantu pelajar-pelajar menghadapi masalah kewangan sebelum memperolehi bantuan kewangan oleh pihak penaja.

Beberapa aktiviti bagi meningkatkan sahsiah diri pelajar sama ada dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum telah dilaksanakan. Di antaranya adalah Seminar Kecemerlangan Akademik, Seminar Mahasiswa Cemerlang, Bengkel Pengurusan Masa Dan Teknik Pembelajaran Efektif, Program Pembangunan Mahasiswa Dengan Kerjasama Biro Tatanegara, Kursus Pembimbing Rakan Universiti, Ekspedisi Aspirasi Alam & Kecergasan Sukan Antara Fakulti ( SUFA ), Larian Obor Sukan SEA 2000, Sambutan Bulan Kemerdekaan di Dataran Merdeka, Pertandingan Sketsa, Penghayatan Puisi Ramadhan dan Sambutan Bulan Kemerdekaan

Dalam tahun 2001, KUIM meluluskan beberapa agenda besar seperti:

- Pengiktirafan Lepasan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).
- Penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Dengan Kepujian yang akan ditawarkan mulai Sesi Akademik 2002/2003 meluluskan pemberian Anugerah Dekan (AD) kepada pelajar yang mendapat 3.60 ke atas.
- Penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA).
- Perakuan Permohonan Pengiktirafan Ijazah Sarjana Muda KUIM bagi Ketiga-tiga program Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian, Pengajian Quran Dan Sunnah Dengan Kepujian dan Program Dakwah Dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian untuk dikemukakan ke JPA dan seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK).

Di samping itu, penglibatan tenaga akademik KUIM di dalam bidang kemahiran dan kepakaran masing-masing juga terbukti dengan penglibatan mereka di dalam sektor dan bidang profesional, sektor korporat dan badan-badan perunding. .

KUIM juga telah menganjurkan Bengkel Permasalahan Kemasukan Pelajar Aliran Agama ke IPTA Malaysia pada 15 Mac 2001, untuk menilai perkembangan dan prospek bidang pengajian Islam di Malaysia.

Di samping itu, KUIM juga telah menghantar 14 orang ahli akademik yang terdiri daripada Dekan-Dekan Fakulti, Pensyarah serta Guru Bahasa menyertai seminar-seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi merealisasikan hasrat KUIM untuk menjadi sebuah Universiti yang terkehadapan dan sebagai sebuah universiti penyelidikan pada masa akan datang, usaha pembangunan dan penyelidikan telah dimulakan dengan penganjuran Bengkel Penulisan & Penyelidikan untuk semua kakitangan akademik KUIM. Bengkel ini bertujuan memberi pendedahan secara menyeluruh pelbagai aspek berkaitan penyelidikan dan penulisan akademik.

Sehingga Disember 2001, terdapat 44 orang tenaga akademik yang terdiri daripada 4 orang Profesor, 18 orang Pensyarah, 14 orang Tutor dan 8 orang Guru Bahasa. Manakala kakitangan pentadbiran pula adalah seramai 76 orang yang terdiri daripada 20 orang kumpulan pengurusan dan profesional, dan 56 orang kumpulan sokongan. Jumlah kakitangan KUIM semuanya adalah seramai 120 orang.

Perlantikan dua orang Profesor di bidang Dakwah dan Pengurusan Islam dan Ekonomi dan Muamalat iaitu Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah dan Prof. Dr. Muhamad Muda telah berkuatkuasa dari 1 Jun 2001. Bersesuaian dengan perlantikan tersebut, perlantikan Dekan bagi Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam telah dibuat mulai 1 Julai 2001 dan Dekan bagi Fakulti Ekonomi dan Muamalat mulai 1 Disember 2001. Selain Dekan, jawatan lain yang dilantik ialah Penyelaras Unit Bahasa Inggeris, Penyelaras Unit Bahasa Arab dan Penyelaras Latihan Amali yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2001, 12 Jun 2001 dan 1 Disember 2001.
Pada tahun ini, jumlah tenaga akademik sambilan adalah seramai 27 orang kesemuanya. Hal ini bagi menampung keperluan dari segi bilangan kumpulan tutorial pelajar yang agak besar. Selain itu,terdapat seramai 14 orang kakitangan di bawah Skim Sangkutan Pembantu Pengajar yang ditempatkan mengikut fakulti yang bersesuaian.

KUIM telah membangunkan beberapa sistem maklumat bagi memperkemas dan memudahkan penyimpanan data yang terdapat di jabatan-jabatan; di antaranya seperti Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP), Sistem Kewangan Universiti, Sistem Maklumat Pengurusan Staf dan Sistem Perpustakaan.

KUIM telah memasang rangkaian internet melalui perkhidmatan talian suwa 128kbps melalui GITN dan serentak dengan itu sebuah server laman web telah beroperasi dengan alamat www.kuim.edu.my sebagai laman web rasmi KUIM.

Sesuai dengan hasrat KUIM untuk membudayakan penggunaan teknologi maklumat serta menjadi institusi pengajian tinggi Islam yang terkehadapan dalam bidang ini, kursus/latihan diadakan untuk kakitangan sama ada anjuran dalaman mahupun luaran.

Majlis Percambahan Fikiran Mengenai Peranan Dan Masa Depan KUIM pada 10 Mac 2001 telah diadakan yang bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik, pengurusan dan profesional untuk memberi pandangan dan input bagi mempastikan misi KUIM untuk menjadi sebuah Universiti yang terkehadapan dalam bidang pengajian dan penyelidikan Islam di rantau ini tercapai.

Memandangkan pengambilan pelajar yang semakin bertambah pada 2001, KUIM telah menyewa premis baru iaitu di Menara A , Persiaran MPAJ di Pandan Indah milik Maxisegar Construstion Sdn. Bhd. Ruang bangunan sebanyak 6 tingkat telah disewa bagi menempatkan Kampus Sementara Kedua (KS2) untuk kemudahan bilik kuliah, tutorial, pentadbiran Fakulti dan kemudahan pelajar.

Di dalam Rancangan Malaysia Ke 8 (RMK 8), Kerajaan telah memperuntukan wang sebanyak RM477.3 juta bagi tujuan pembangunan Kampus Tetap KUIM. Perancangan Pembangunan Kampus Tetap KUIM dijangka akan dipecahkan dalam dua fasa mengikut keutamaan. Fasa I (2001-2005 dalam RMK 8) untuk 5000 pelajar dan Fasa II (2006-2010 dalam RMK 9) maksima 10,000 pelajar.

Satu kawasan tapak seluas 471.8 ekar yang terletak di Bandar Baru Nilai telah dipilih dan tapak ini sangat sesuai kerana kedudukannya yang strategik di samping terletak di dalam lingkungan MSC. Pengambil alihan tanah tapak berkenaan telah selesai dilaksanakan.

Pada keseluruhannya, walaupun masih muda, KUIM telah menunjukkan pencapaian yang amat baik dan membanggakan . Usaha dan komitmen yang tinggi yang ditunjukkan oleh semua pihak, sama ada warga kerja Universiti, Lembaga Pengarah, para pelajar serta pihak luar dan media massa termasuk masyarakat umum yang bersama-sama menyumbang dalam membangunkan universiti ini. Kerjasama dan sokongan semua pihak adalah penting demi menegakkan kecemerlangan akademik dan menjamin kejayaan para pelajar yang menjadi pemangkin dalam menentukan pembangunan masa depan negara.

**Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin**
Rektor
Kolej Universiti Islam Malaysia

## Pengambilan Pelajar dan Program Pengajian

Pada sesi akademik 2001/2002, KUIM menawarkan tiga (3) program pengajian pra-siswazah secara sepenuh masa untuk ijazah berikut:-

i) Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan kepujian,
ii) Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan kepujian
iii) Sarjana Muda Dakwah dan Pengurusan Islam dengan kepujian.

Bilangan pelajar pada tahun 2001 adalah seramai 808 orang pelajar yang terdiri daripada 253 orang pelajar tahun 2 dan 555 orang pelajar tahun 1. Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang berkaitan adalah calon-calon dari lepasan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM)/Setaraf kategori A, Lepasan Diploma (Kes khas) kategori E dan pelajar lepasan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Kategori T. Berikut disenaraikan bilangan pelajar KUIM berdasarkan fakulti dan bagi tahun 1 dan 2.



**Jadual 1 : Menunjukkan bilangan pelajar mengikut fakulti dan kategori bagi pelajar tahun 1**

| FAKULTI | LEPASAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | STPM (A) | Diploma (E) | STAM (T) | |
| Fakulti Syariah dan Kehakiman | 134 | 28 | 17 | 179 |
| Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | 128 | 15 | 24 | 167 |
| Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam | 191 | 9 | 9 | 209 |
| Jumlah Keseluruhan | 453 | 52 | 50 | 555 |

**Jadual 2 : Menunjukkan bilangan pelajar mengikut fakulti dan kategori bagi pelajar tahun 2**

| FAKULTI | LEPASAN | | | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|
| | STPM (A) | Diploma (E) | STAM (T) | |
| Fakulti Syariah dan Kehakiman | 134 | 28 | 17 | 179 |
| Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | 128 | 15 | 24 | 167 |
| Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam | 191 | 9 | 9 | 209 |
| Jumlah Keseluruhan | 453 | 52 | 50 | 555 |

Pelajar-pelajar lepasan diploma dari institusi-institusi yang diiktiraf oleh Senat KUIM seperti Kolej Ugama Sultan Zainal Abidin (KUSZA), Kolej Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KIPSAS), Kolej Islam Darul Ehsan (KISDAR) dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Perkuliahan bagi semester I telah bermula pada 28 Mei 2001 dan 29 Oktober pada semester II sesi 2001/2002. Mengambilkira pertambahan bilangan pelajar pada sesi ini, maka semua perkuliahan dan peperiksaan telah ditempatkan di Tingkat 10, 11 dan 12 di Menara A, Bangunan MPAJ, Pandan Indah, Cheras, Kuala Lumpur. Terdapat 18 bilik kuliah dan 18 bilik tutorial dengan pembahagian 6 bilik kuliah dan tutorial bagi setiap fakulti. Setiap Bilik kuliah mempunyai kapasiti bilangan pelajar sebanyak 110 orang pelajar manakala 30 orang pelajar bagi bilik tutorial. KUIM turut menyediakan sebuah makmal komputer dengan kapasiti bilangan pelajar seramai 45 orang. Justeru itu bagi tujuan perkuliahan, para pelajar KUIM telah dibahagikan kepada kumpulan yang lebih kecil di mana para pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan kuliah, tutorial, makmal, bahasa dan kumpulan ko-kurikulum.

Pembahagian kumpulan-kumpulan tersebut menjadikan lebih ramai tenaga akademik sambilan diperlukan iaitu seramai 32 orang pada semester II di samping faktor-faktor lain seperti bilangan makmal yang tidak mencukupi bagi menampung keperluan kursus KU 1032, (Pengantar Teknologi Maklumat) semua pelajar tahun 1, bilangan tenaga akademik sedia ada adalah terhad dan tidak mencukupi untuk keperluan pengajaran bagi semua kursus yang ditawarkan dan terdapat tenaga akademik yang telah diluluskan untuk melanjutkan pelajaran mereka.



Sementara itu bagi tujuan pengendalian peperiksaan, pada semester 1, KUIM menggunakan ke semua dua belas (12) bilik yang terdapat di tingkat 15 di Kampus Sementara Ke Dua (KS2) KUIM manakala bagi semester 2 pula, peperiksaan telah dijalankan di bilik-bilik kuliah yang telah disusun mengikut keperluan semasa peperiksaan kerana mengambilkira perpindahan pentadbiran KUIM di Menara A, MPAJ tersebut.

Bersesuaian dengan hasrat universiti untuk melahirkan ilmuan Islam yang mempunyai kemahiran berkomunikasi dalam pelbagai bahasa khususnya mahir dalam berbahasa Arab dan Inggeris, beberapa aktiviti yang berkaitan bagi membantu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Inggeris dan Bahasa Arab dan meningkatkan kecemerlangan akademik para pelajar KUIM telah diadakan. Antara aktiviti tersebut ialah:-

1. Kursus Intensif Bahasa Inggeris bagi pelajar tahun 1dan tahun 2
2. Perkhemahan Bahasa Arab bagi pelajar tahun 1 dan tahun 2
3. Bengkel mentor-mentee
4. Kursus Sahsiah Pelajar
5. Bengkel Pengukuhan Akademik KUIM
6. Bengkel dan Kelas Bimbingan MUET
7. Bengkel Pengenalan Undang-Undang



Senat KUIM merupakan sebuah badan akademik tertinggi yang berperanan penting dalam mengawal segala urusan yang berkaitan dengan akademik KUIM. Bagi tahun 2001, Senat telah bersidang sebanyak beberapa kali bagi memperakukan beberapa perkara berkaitan dengan Hal Ehwal Akademik. Antaranya ialah:



- Meluluskan pengiktirafan Lepasan Diploma Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

- Meluluskan penubuhan Fakulti Ekonomi dan Muamalat dan Program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat Dengan Kepujian yang akan ditawarkan mulai Sesi Akademik 2002/2003 di mana Prof. Dr. Muhamad b. Muda telah dilantik sebagai Dekan Fakulti.

- Meluluskan pemberian Anugerah Dekan (AD) kepada pelajar yang mendapat 3.60 ke atas.

- Meluluskan Penubuhan Jawatankuasa Perancangan dan Perkembangan Akademik (JPPA).

- Meluluskan Cadangan Tarikh Sesi Akademik KUIM bagi sesi 2002/2003.

- Meluluskan Jawatankuasa Peperiksaan KUIM.

- Meluluskan Pemindahan Kredit bagi pelajar Lepasan Diploma – Senarai Diploma yang diberikan pengecualian berdasarkan pembahagian jumlah unit yang dipersetujui seperti yang ditunjukkan oleh Jadual 3 di bawah.

- Memperakukan Permohonan Pengiktirafan KUIM bagi Ketiga-tiga program Syariah dan Kehakiman Dengan Kepujian, Pengajian Quran Dan Sunnah Dengan Kepujian dan Program Dakwah Dan Pengurusan Islam Dengan Kepujian untuk dihantar ke JPA dan seterusnya dinilai oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan (JTPPK).

**Jadual 3 : Menunjukkan jumlah pembahagian Unit Berdasarkan Diploma**

| BUTIRAN | JUMLAH PEMINDAHAN KREDIT YANG DIPEROLEHI | | | |
|---|---|---|---|---|
| | KUSZA | KIPSAS | KISDAR | JAKIM |
| Dip. Pengajian Islam (Al-Quran danAl-Sunnah) | 17 | | 14 | |
| Dip. Pengajian Islam (Syariah) | 16 | | 14 | |
| Dip. Pengajian Islam (Syariah dan Perbandingan) | | 16 | | |
| Dip. Tahfiz Al-Quran Wal-Qiraat | | | | 11 |
| Dip. Pengajian Islam (Dakwah) | 18 | | 16 | |
| Dip. Pengajian Islam (Usuluddin) | 18 | | | |
| Dip. Pengajian Islam (Dakwah dan Pengurusan Islam) | | 18 | | |

# Kegiatan & Sumbangan Kakitangan Akademik

Sehingga Disember 2001, KUIM mempunyai seramai 44 kakitangan akademik dan telah melantik empat (4) orang dekan bagi setiap fakulti yang ada iaitu:-

| BIL | FAKULTI | DEKAN/PEMANGKU DEKAN |
|---|---|---|
| 1 | Fakulti Syariahdan Kehakiman | Tn Sheikh Slaim Sheikh Salleh |
| 2 | Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah | Tn Hj Mohd Alwi Yusoff |
| 3 | Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam | Prof Dr Mohamed Asin Dollah |
| 4 | Fakulti Ekonomi dan Muamalat | Prof Muhamad Muda |

Walaupun dengan jumlah yang agak kecil, semua kakitangan akademik ini telah menunjukkan komitmen dan daya usaha yang cukup tinggi untuk membangunkan KUIM. Mereka juga turut terlibat dengan pelbagai kegiatan dalam pelbagai bidang seperti penyelidikan, persidangan, keahlian jawatankuasa aktiviti di peringkat universiti dan badan-badan professional.

Antara penglibatan tenaga akademik KUIM di peringkat professional ialah sebagai Pengerusi Panel Penilaian Semula Sukatan Mata Pelajaran Program Matrikulasi KPM, Ketua Pemeriksa STPM bagi kursus-kursus tertentu, peguambela dan peguam cara Malaysia, Panel Penilai Akreditasi, Lembaga Akreditasi Negara (LAN), Ahli panel penilai modul-modul tertentu anjuran JAKIM, Pengerusi KAFA Seri Setia, Petaling Jaya, Pengerusi IKB, Ahli Badan Pengurusan YGMB, AJK Kewangan dan Perjawatan YGMB, Ahli Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Guru Malaysia (YGMB), Ahli Lembaga Pengarah YGMB-Asha Travel Agensi, Presiden Persatuan Penulis Kes Malaysia (CWAM), Ahli Persatuan Kewangan Malaysia (MFA), Pengarah (Bebas Bukan Eksekutif) Islamic Banking and Finance Institute Malaysia (IBFIM), Pengarah (Bukan Eksekutif) BIMB Holding Berhad dan AJK Pelaburan, Pengurusan KUMIPA Berhad.



# Persidangan

KUIM telah menganjurkan Bengkel Permasalahan Kemasukan Pelajar Aliran Agama ke IPTA Malaysia pada 15 Mac 2001, untuk menilai perkembangan dan prospek bidang pengajian Islam di Malaysia. Di samping itu, bengkel ini juga akan menjadi landasan perbincangan untuk menganjurkan satu seminar peringkat antarabangsa berkaitan pendidikan tinggi Islam di seluruh dunia, iaitu Seminar Antarabangsa "Pengajian Islam di Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Dunia bertemakan "Pengajian Islam : Isu Dan Cabaran di Era Globalisasi".

Dalam menangani isu-isu semasa dan prihatin terhadap perkembangan ekonomi negara, KUIM akan menganjurkan Seminar Dinar Peringkat Kebangsaan bertemakan "Dinar - Ke Arah Pemantapan Ekonomi Ummah" yang bertujuan untuk memahami sistem kewangan dan pertukaran yang telah digunapakai pada zaman Rasulullah S.A.W dan para sahabat serta membentang, meneliti dan membincangkan isu-isu yang berkait rapat dengan penggunaan matawang tunggal Dinar.

Jawatankuasa Persidangan Universiti telah bersidang dan menetapkan perancangan untuk mengadakan persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa serta mengemaskini Penduan Persidangan bagi memudahkan para ahli akademik menyertainya.



Di samping itu, KUIM juga telah menghantar 14 orang ahli akademik yang terdiri daripada Dekan-Dekan Fakulti, Pensyarah serta guru bahasa menyertai seminar-seminar peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Seminar-seminar yang dihadiri adalah berbentuk ilmiah dan berkaitan dengan pengajian Islam dan merupakan bidang utama para ahli akademik KUIM. Di antara seminar-seminar tersebut ialah Seminar Kecemerlangan Tamadun Islam dan Tamadun Asia, Seminar Undang-Undang Siber : Satu Perspektif Islam, International Conference on Al Ghazali's Legacy : Its Contemporary Relevance serta Seminar Corporate Governance For Board Directors of Malaysian Public Universities.



Selain adanya Urusetia Persidangan Universiti Peringkat Pusat, Universiti juga telah menubuhkan Urusetia dan Jawatankuasa Persidangan Peringkat Fakulti bagi menyelaras dan memastikan keterlibatan para ahli akademik Universiti dalam aktiviti-aktiviti persidangan peringkat dalaman atau luaran. Urusetia Persidangan Universiti telah menerima peruntukan bagi tujuan persidangan meliputi seminar-seminar yang bersifat ilmiah, kemahiran dan kemajuan ekonomi dan pendidikan negara termasuklah bengkel, kolokium, seminar, kongres, konferens, forum simposium serta wacana, mesyuarat atau perjumpaan, ceramah dan bengkel. Antaranya ialah Seminar Kepimpinan Islam Antarabangsa, Konvensyen Muslim Profesional, Kongres Pendidikan Melayu Pertama serta Seminar Islam di Pusat-Pusat Pengajian Tinggi ASEAN kali ke~3.

Untuk memantap dan mengukuhkan strategi dan Pelan Tindakan Jangka Panjang dan Pendek KUIM 2000-2005, KUIM telah menganjurkan Majlis Percambahan Fikiran Mengenai Peranan Dan Masa Depan KUIM pada 10 Mac 2001, yang bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik, pengurusan dan profesional untuk memberi pandangan dan input bagi memastikan misi KUIM untuk menjadi sebuah Universiti yang terkehadapan dalam bidang pengajian dan penyelidikan Islam di rantau ini tercapai.

Sepanjang tahun 2001, Jawatankuasa Persidangan Universiti telah meluluskan peruntukan kewangan sekitar RM34,978 bagi penganjuran serta penyertaan para ahli akademik Universiti dalam persidangan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.



Pihak Universiti telah menubuhkan Urusetia Jawatankuasa Penyelidikan yang berperanan untuk mengurus dan mengatur perancangan aktiviti penyelidikan tenaga akademik KUIM, termasuk menyediakan medium untuk sumbangan dalam bentuk kepakaran dan khidmat rundingan kepada organisasi atau badan-badan yang berminat. Perancangan penyelidikan, Tatacara Pengurusan Kewangan serta Panduan Tatacara Penyelidikan juga telah digubal bagi tujuan rujukan penyelidikan para tenaga akademik.

Di antara objektif utama penubuhan Urusetia Penyelidikan Universiti adalah untuk ;

- Membudayakan penyelidikan dan persidangan di kalangan staf akademik untuk memperkayakan ilmu dan kemahiran pengajaran dalam era ICT.

- Mengadakan kerja-kerja penyelidikan yang boleh membantu dan mempertingkatkan kemahiran dan perkembangan professional tenaga pengajar.

- Menyertai secara aktif program penyelidikan negara di bawah projek IRPA.

- Meningkatkan reputasi sebagai pusat sumber rujukan dan penyelidikan dan bersesuaian dengan hasrat kerajaan untuk menjadikan KUIM sebagai "Universiti Penyelidikan" khususnya dan bukan hanya "Universiti Pembelajaran".

- Memberi pendedahan kepada tenaga akademik dalam bidang penyelidikan dengan menawarkan geran-geran penyelidikan dan mengadakan kursus dan bengkel penyelidikan.

- Memberi peluang kepada tenaga akademik untuk mempertingkatkan ilmu pengetahuan dan kepakaran dalam disiplin yang berkaitan.

- Mewujudkan tenaga-tenaga pakar untuk projek-projek penyelidikan dan perundingan dan seterusnya menambahkan hasil universiti

Untuk merealisasikan hasrat tersebut, pihak Urusetia Penyelidikan Universiti telah menubuhkan Jawatankuasa Penyelidikan Peringkat Fakulti bagi menyelaras dan memantau proses penyelidikan oleh para ahli akademik Universiti serta memastikan setiap penyelidikan mencapai matlamatnya.

Usaha pembangunan dan penyelidikan telah dimulakan dengan penganjuran Bengkel Penulisan & Penyelidikan yang telah diadakan pada 3-4 Mei 2001. Bengkel yang disertai oleh semua kakitangan akademik KUIM bertujuan untuk memberi pendedahan secara menyeluruh kepada mereka tentang pelbagai aspek berkaitan penyelidikan dan penulisan akademik.

Selain itu, Urusetia Penyelidikan Universiti dengan kerjasama Urusetia Penyelidikan Peringkat Fakulti telah menganjurkan Bengkel Pembentangan & Penyediaan Proposal Penyelidikan pada 24-26 Ogos 2001 untuk memberi pendedahan dan menjadi perintis untuk membolehkan para ahli akademik menyediakan pelbagai penyelidikan yang bermutu.

Jawatankuasa Penyelidikan Universiti telah meluluskan peruntukan kewangan di sekitar RM194,728 bagi tujuan penyelidikan para ahli akademik KUIM yang merangkumi sebanyak 10 proposal penyelidikan ahli akademik KUIM, terdiri daripada isu-isu semasa daripada bidang masing-masing seperti Pengajaran & Pembelajaran

Bahasa Arab di Sekolah-Sekolah Menengah di Malaysia ~ Permasalahan dan Cara Mengatasinya, Online Contracts & The Concept of Caveat Emptor : A Comparative Study Based on Malaysian Contracts Law & Islamic Contract Law.

Jawatankuasa Penyelidikan Universiti juga telah membelanjakan sejumlah wang bagi pembelian Perisian Penyelidikan sebagai salah satu cara untuk membantu para penyelidik Universiti dalam urusan pemprosesan data metadologi dan statistik Penyelidikan.



# Perkhidmatan dan Kebajikan Pelajar

**Pinjaman, Biasiswa dan Tabung Kebajikan**

Pihak HEP berperanan menyelaraskan perkhidmatan membantu mendapatkan pinjaman pendidikan serta biasiswa untuk pelajar-pelajar membiayai pengajian mereka. Sebahagian besar pelajar KUIM memperolehi pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) iaitu seramai (779 orang). Selain daripada itu, pelajar-pelajar KUIM juga diberikan bantuan biasiswa oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seramai ( 33 orang) dan juga oleh Yayasan atau Kerajaan Negeri ( Yayasan Selangor 4 orang, Yayasan Sabah 2 orang, MARA 2 orang dan Yayasan Melaka 1 orang). KUIM juga telah menyediakan Tabung Pinjaman Kecemasan yang bertujuan membantu pelajar-pelajar menghadapi masalah kewangan sebelum memperolehi bantuan kewangan oleh pihak penaja. Pada tahun ini bantuan Tabung Kebajikan yang dikeluarkan berjumlah RM1,200.00 dan Tabung Kecemasan pula sejumlah RM4,650.00.



**Penginapan Pelajar**



KUIM setakat ini berupaya menampung penginapan untuk kesemua pelajarnya. Pelajar-pelajar disediakan premis kediaman di 2 buah blok apartmen iaitu Reviera II dan Reviera III di Taman Cempaka Cheras. Pentadbiran Asrama KUIM telah diketuai oleh Pengetua Asrama, Penolong Pengurus Asrama, Penyelia Asrama dan dibantu oleh 5 orang felo. Pengurusan KUIM telah menyediakan kemudahan pengangkutan untuk kemudahan pelajar berulang-alik dari asrama ke Kampus Sementara ke-2 Menara Majlis perbandaran Ampang Jaya. Antara kemudahan yang disediakan untuk pelajar-pelajar seperti bilik rehat, kolam renang, gelanggang squash.

**Kaunseling Individu dan Kelompok**



Perkhidmatan kaunseling dijalankan oleh Unit Kaunseling yang diselaraskan oleh seorang Kaunselor. Sebanyak 35 sesi kaunseling individu dan 3 sesi kelompok kalangan pelajar-pelajar dijalankan melalui temujanji terlebih dahulu.

**Perkhidmatan Pusat Sumber Motivasi dan Kerjaya**

Unit Kaunseling telah menubuhkan Pusat Sumber Motivasi dan Kerjaya apabila berpindah ke Kampus Sementara Kedua di Menara A Majlis Pandan Jaya. Pusat Sumber ini mengandungi bahan-bahan rujukan yang berkaitan dengan motivasi dan kaunseling yang meliputi buku-buku, inventori, risalah, ujian-ujian psikologi di dalam bidang akademik, personaliti, sahsiah dan juga kerjaya.

**Perlantikan Pegawai Belia dan Sukan**

Bahagian Hal-ehwal Pelajar juga telah menyusun perancangan untuk aktiviti sukan dan rekreasi di kalangan pelajar dengan melantik seorang Pegawai Belia dan Sukan sebagai penyelaras aktiviti unit berkenaan.

# Aktiviti
## Seminar /Bengkel /Majlis

**Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar**




KUIM buat julung kalinya telah mengadakan proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 26hb. November 2001. Pemilihan kali ini memperuntukkan 11 buah kerusi yang terdiri daripada 5 buah kerusi untuk Kawasan Umum dan 6 buah kerusi untuk Bahagian Fakulti. Setiap Fakulti diperuntukkan dengan 2 buah kerusi untuk dipertandingkan. Pilihanraya MPP Institusi Pengajian Tinggi Awam yang dianjurkan serentak di seluruh negara pada kali ini telah menampilkan 9 orang calon KUIM bertanding di Bahagian Umum. Manakala 3 orang calon telah bertanding bagi kawasan Fakulti Quran dan Sunnah dan 4 orang calon bertanding di Fakulti Syariah dan Kehakiman. Sementara Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam hanya seorang sahaja calon yang bertanding dan diisytiharkan sebagai menang tanpa bertanding. Keseluruhannya, proses pengundian berjalan dalam keadaan yang lancar serta mendapat kerjasama yang amat baik oleh semua pihak yang terlibat. Warga pelajar telah berjaya menunjukan semangat pemilihan yang berlandaskan demokrasi yang tulin dan harmoni.

**Minggu Ta'aruf**

KUIM telah menerima kumpulan pelajar keduanya yang mendaftarkan diri pada 20hb. Mei 2001 bertempat di asrama Riviera III. Seramai 523 orang pelajar telah mendaftarkan diri dan terlibat dengan program Minggu Ta'aruf Pelajar-Pelajar baru yang berlangsung selama 4 hari bermula 20 hingga 24 Mei 2001. Pelbagai aktiviti telah disusun sepanjang Minggu Ta'aruf tersebut seperti seminar, ceramah, bengkel, taklimat pinjaman pelajaran, sukan, aktiviti kebudayaan dan

sebagainya. Semua program diadakan bagi memastikan para pelajar mendapat maklumat yang tepat mengenai program pengajian, proses pembelajaran peringkat universiti, pembangunan kendiri dan penyesuaian diri dengan suasana kehidupan di Pusat Pengajian Tinggi. Majlis lafaz ikrar pelajar-pelajar baru telah diadakan di hadapan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, YB Senator Bridg. Jen. (B) Dato' Abdul Hamid Zainal Abidin di Dewan Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

**Seminar Kecemerlangan Akademik**

Seminar Kecemerlangan Akademik telah diadakan pada 10hb. dan 11hb. Februari dengan kerjasama Unit Akademik di bawah Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bertempat di Dewan Institut Kemahiran Baitulmal (IKB). Seminar ini telah berlangsung selama 2 hari yang bertujuan meningkatkan kecemerlangan akademik pelajar KUIM. Seramai 253 orang peserta telah hadir di dalam seminar tersebut yang terdiri daripada para pelajar tahun 1 sesi 2000/2001. Pengisian program berbentuk ceramah dan forum yang membawakan isu-isu dan faktor-faktor ke arah pembinaan kecemerlangan akademik dan kemahiran belajar di dalam dwi bahasa antarabangsa dan strategi belajar berkumpulan, membuat nota dan menghadapi peperiksaan.

**Penubuhan Pembimbing Rakan Universiti**

Pada 6 Julai 2001, seramai 30 orang pelajar tahun 2 sesi 2001/2002 telah dilantik sebagai Pembimbing Rakan Universiti. Setiap fakulti mempunyai 10 orang pembimbing yang mewakili fakulti masing-masing. Pembimbing Rakan Universiti atau singkatannya PRU mempunyai visi dan misi yang tersendiri untuk memberikan khidmat sokongan, kaunseling rakan sebaya, maklumat dan khidmat rujukan bagi pelajar-pelajar KUIM.

## Seminar Mahasiswa Cemerlang

Seminar Mahasiswa Cemerlang ini dianjurkan untuk semua pelajar KUIM bagi sesi 2001/2002 pada 10 November 2001 bertempat di Dewan Muktamar Pusat Islam. Seminar sehari yang bertemakan "Menjana Potensi Diri Ke Arah Kecemerlangan" ini telah dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Hamid Bin Othman, Penasihat Agama Kepada Y.A.B Perdana Menteri. Perbincangan forum dalam seminar tersebut menyentuh tajuk `Mahasiswa Pengajian Islam: Arah dan Cabaran Menembusi Pasaran Kerjaya' yang membawakan isu-isu yang berkaitan dengan minat, kecenderungan serta persediaan kerjaya pelajar. Tujuan seminar ini ialah memberi kesedaran serta membuka minda peserta supaya pelajar dapat melihat kecemerlangan itu sebagai suatu matlamat yang boleh dijayakan.



**Bengkel Pengurusan Masa Dan Teknik Pembelajaran Efektif**

Sebanyak 4 sesi Bengkel Pengurusan Masa dan Teknik Pembelajaran Efektif telah dilaksanakan sepanjang tahun ini dengan penyertaan seramai 57 orang pelajar. Bengkel ini merupakan program tahunan yang akan diadakan pada setiap bulan Julai hingga Ogos.

**Program Pembangunan Mahasiswa Dengan Kerjasama Biro Tatanegara**

Program Pembangunan Mahasiswa diadakan untuk tahun keduanya dengan kerjasama Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri pada pada 4 hingga 8 Oktober 2001. Seramai 556 orang pelajar terlibat dengan program ini yang diadakan di dua tempat, iaitu di Kem Bina Negara Ulu Sepri, Negeri Sembilan dan Kem Bina Negara Besut, Terengganu.

**Kursus Pembimbing Rakan Universiti**

Kursus Pembimbing Rakan Universiti telah diadakan pada 2 hingga 4 November 2001 bertempat di Kem Rebutia, Gombak. Kursus selama 3 hari 2 malam ini yang menjelaskan tentang teori dan teknik kaunseling di samping memperkenalkan kepada pelajar tentang konsep Pembimbing Rakan Sebaya di Univeriti-universiti tempatan. Pelajar-pelajar juga mengikuti bengkel aplikasi teori dan teknik bagi membuat latihan amali tentang suasana kaunseling sebenar.



# Sukan dan Rekreasi

**Ekspedisi Aspirasi Alam & Kecergasan**



Program Ekspedisi Aspirasi Alam & Kecergasan ke Pulau Coral (Giam), Pangkor telah diadakan pada 20 hingga 22 Julai. Ekspedisi yang disertai oleh 40 orang pelajar dan Pegawai itu melibatkan aktiviti asas pengendalian & pengurusan perkhemahan, asas orienteering & peta, asas kemahiran dan keyakinan diri di dalam air, snoorkeling, memancing dan berkayak.

**Sukan Antara Fakulti ( SUFA ) 28 Julai hingga 26 September 2001**

Sukan Antara Fakulti 2001 (SUFA 2001) telah diadakan bermula dari 28 Julai dan berakhir pada 26 September 2001. Antara acara yang dipertandingkan ialah ping-pong lelaki dan wanita, sepaktakraw, bola tampar lelaki dan wanita, bola baling lelaki dan wanita, bola jaring, bola sepak dan badminton lelaki dan wanita. Ketiga-tiga buah falkuti telah menyertai setiap acara yang dipertandingkan. Sukan ini turut sama melibatkan Pasukan Kakitangan KUIM. Program ini dijadikan medan untuk memilih atlit-atlit KUIM dalam kejohanan SUKMAS yang dianjurkan oleh MASUM.

**Larian Obor Sukan SEA 2001**



Seramai kira-kira 65 orang pelajar KUIM telah menyertai Larian Obor Kuala Lumpur 2001 peringkat Ampang. Kontigen KUIM telah diberi penghormatan untuk membawa obor sejauh 2.4 km. Kontigen KUIM menyerahkan obor tersebut kepada Timbalan Menteri Belia & Sukan yang merupakan ahli Parlimen kawasan Ampang iaitu Yang Berhormat Datuk Ong Tee Keat.

**Sambutan Bulan Kemerdekaan di Dataran Merdeka**

Seramai kira-kira 40 orang pelajar KUIM telah menyertai sambutan bulan kemerdekaan di Dataran Merdeka yang telah disempurnakan oleh Y.A.B Timbalan Perdana Menteri Malaysia.

# Kebudayaan

**Pertandingan Sketsa Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia**

Kelab Teater Renda Warisan Pelajar KUIM telah menyertai pertandingan sketsa loghat negeri di UKM pada 7 September 2001. Penyertaan kali ini telah menobatkan KUIM sebagai pemenang tempat ke-3 kepada penyertaan kali ini.

**Malam Penghayatan Puisi Ramadhan**

Program ini cuba dijadikan tradisi tahunan dalam usaha mencungkil bakat-bakat terpendam pelajar dan juga kakitangan dalam bidang pendeklamasian sajak dan juga puisi.

**Sambutan Bulan Kemerdekaan**

Sambutan Bulan Kemerdekaan dijalankan sepanjang bulan Ogos sehingga pertengahan September dengan setiap unit kediaman asrama mengibarkan Jalur Gemilang.



# Pengurusan Sumber Manusia

Proses pemantapan pengurusan dan pentadbiran KUIM terus dilaksanakan dengan perkembangan bilangan kakitangan Universiti. Jumlah kakitangan KUIM pada tahun 2001 adalah seramai 120 orang, iaitu 44 orang tenaga akademik yang terdiri daripada 4 orang Profesor, 18 orang pensyarah, 14 orang tutor dan 8 orang guru bahasa serta 76 orang kakitangan pentadbiran yang terdiri daripada 20 orang kumpulan pengurusan dan profesional, dan 56 orang kumpulan sokongan (Jadual 4, 5 dan 6).

**Jadual 4 - Kedudukan Perjawatan akademik KUIM 2001**

| JAWATAN TETAP/KONTRAK | PERUNTUKAN JAWATAN AKADEMIK | FAKULTI SYARIAH & KEHAKIMAN | FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH | FAKULTI DAKWAH & PENGURUSAN ISLAM | FAKULTI EKONIMI & MUAMALAT | PUSAT BAHASA/ UMUM | JUMLAH PENGISIAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Profesor (VK7) | 3 | - | 1 | 1 | 1 | 1 | 4 |
| Prof. Madya (DS1) | 9 | - | - | - | - | - | - |
| Pensyarah (DS2) | 23 | 4 | 5 | 3 | - | 6 | 18 |
| Tutor (DA2) | 15 | 6 | 5 | 2 | - | 1 | 14 |
| Guru Bahasa (DG3) | 11 | - | - | - | - | 8 | 8 |
| Jumlah | 61 | | | | | | 44 |

### Jadual 5 - Kedudukan Perjawatan Pentadbiran KUIM 2001

| JAWATAN TETAP/KONTRAK | PERUNTUKAN JAWATAN PENTADBIRAN 2001 | JUMLAH PENGISIAN | KEKOSONGAN | CATATAN |
|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi/ Profesor | 3 | 2 | 1 | Jawatan Timbalan Rektor Pembangunan dan HEP di isi mulai 2002 |
| Pengurusan Profesional | 21 | 20 | 1 | Jawatan Jurutera Elektrik J3 dan Arkitek J5 telah diluluskan pengisiannya mulai 2002 |
| Sokongan | 58 | 56 | 2 | Jawatan yang belum diisi ialah 1 jawatan Pemandu R 10 dan i jawatan Telefonis N11 |
| Jumlah | 80 | 78 | 4 | |

### Jadual 4 - Kedudukan Perjawatan Berdasarkan Status Lantikan

| JAWATAN | TETAP | KONTRAK | SEMENTARA | JUMLAH KESELURUHAN |
|---|---|---|---|---|
| Pengurusan Tertinggi/ Profesor | - | 2 | - | 2 |
| Akademik | 20 | 8 | 14 | 42 |
| Pengurusan Profesional | 19 | - | 1 | 20 |
| Sokongan | 54 | 1 | 1 | 56 |
| Jumlah | 93 | 11 | 16 | 120 |

Perlantikan dua orang Profesor di bidang Dakwah dan Pengurusan/Ekonomi Islam iaitu Prof. Dr. Mohamed Asin Dollah dan Prof. Dr. Muhamad Muda telah berkuatkuasa dari 1 Jun 2001. Bersesuaian dengan perlantikan tersebut, perlantikan Dekan bagi Fakulti Dakwah dan Pengurusan Islam telah dibuat mulai 1 Julai 2001 dan Dekan bagi Fakulti Ekonomi dan Muamalat mulai 1 Disember 2001. Selain Dekan, jawatan lain yang dilantik ialah Penyelaras Unit Bahasa Inggeris, Penyelaras Unit Bahasa Arab dan Penyelaras Latihan Amali yang berkuatkuasa mulai 1 Julai 2001, 12 Jun 2001 dan 1 Disember 2001.

Pada tahun ini, jumlah tenaga akademik sambilan agak besar iaitu 27 orang bagi menampung keperluan dari segi bilangan kumpulan tutorial pelajar. Selain itu, terdapat seramai 14 orang kakitangan di bawah Skim Sangkutan Pembantu Pengajar yang ditempatkan mengikut fakulti yang bersesuaian.

# Pembangunan Sumber Manusia

## Cuti Belajar

Skim Cuti Belajar KUIM telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti 5/2000 dan mula dilaksanakan sepenuhnya pada 2001. Seramai 3 orang calon peringkat Sarjana dan seorang calon Ijazah Doktor Falsafah. Keutamaan bidang pengajian adalah kepada bidang-bidang yang dianggap signifikan dengan pengajian yang ditawarkan di KUIM, iaitu bidang Perundangan Islam, Fiqh dan Usul Fiqh serta Ekonomi Islam dan Dakwah. Calon-calon ini dibiayai di bawah Skim Latihan Akademik Bumiputera (Jabatan Perkhidmatan Awam). Masalah kekurangan calon yang dihantar untuk bercuti belajar adalah disebabkan KUIM meletakkan syarat kelayakan yang agak ketat dalam pemilihan calon-calon yang benar-benar berkualiti dan kesesuaian bidang.

## Latihan

Selaras dengan kepentingan bidang latihan dalam pembangunan sumber manusia, pelbagai kursus dan latihan, sama ada dalam bentuk dalaman mahupun luaran telah diadakan bagi meningkatkan daya kompetensi di kalangan kakitangan. Sepanjang tahun 2001, sebanyak 8 kursus/bengkel telah dianjurkan oleh Bahagian Sumber Manusia dan 3 kursus telah diadakan dengan kerjasama Bahagian/Unit lain (Jadual 7 dan 8). Kursus/bengkel ini bagi



memberi pendedahan dan kemahiran tentang pengurusan serta pentadbiran Universiti. Latihan berkaitan program aplikasi komputer pula telah diadakan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat, dan tertumpu kepada perisian-perisian yang signifikan dalam pengendalian tugas-tugas pentadbiran (Jadual 9 dan 10). Bagi mengatasi kekangan dari segi kekurangan kepakaran, kakitangan KUIM turut dihantar menghadiri kursus-kursus luar yang dianjurkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam, INTAN dan sebagainya (Jadual 11).



**Jadual 7 - Kursus Dalaman Anjuran Bahagian Sumber Manusia tahun 2001**

| NAMA KURSUS | TARIKH & TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|
| Kursus Pengurusan Rekod dan Fail Sistematik | KUIM, 18-19 April 2001 | 15 orang |
| Program Latihan Penilong Pendaftar Bahagian Sumber Manusia di Universiti Teknologi Malaysia | UTM, 3-4 September | 1 orang |
| Bengkel Sistem Pengurusan Akauntabiliti dan Integriti | KUIM, 6-17 September 2001 | 15 orang |
| Bengkel Penyediaan Manual Prosedur Kerja dan Fail Meja | Hotel Maluri Value Inn, Cheras, 3-4 Oktober 2001 | 25 orang |
| Kursus Induksi Kumpulan Pengurusan profesional | Hotel Grand Season, 9-24 Oktober 2001 | 27 orang |
| Kursus Induksi Kumpulan Sokongan 1 | Hotel Maluri Value Inn, Cheras, 25 Okt - 2 Nov 2001 | 20 orang |
| Bengkel Kerja MPK dan FM bagi Pasukan Petugas MPK dan FM | KUIM, 13 November 2001 | 6 orang |
| Sesi Pembentangan Laporan Kursus | KUIM, 8 Disember 2001 | 10 orang |

Jadual 7- Kursus Dalaman Anjuran Bahagian Sumber Manusia tahun 2001

| NAMA KURSUS | TARIKH & TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|
| Bengkel Penyediaan Belanjawan 2002-2003 dengan kerjasama Jabatan Bendahari | Hotel Grand Blue Wave, 12-13 Mac 2001 | 25 orang |
| Bengkel Penyediaan Ringkasan Projek Pelan Induk Pembangunan Kampus Tetap KUIM dengan kerjasama Unit Pembangunan | Hotel Maluri Value Inn, Cheras, 16-17 Julai 2001 | 25 ornag |
| Bengkel Penyediaan Pelan Induk Pembangunan ICT Kampus Tetap KUIM dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat | Hotel Cititel, 9 November 2001 | 25 orang |

**Jadual 9 - Senarai Kursus/Latihan perisian yang diadakan dengan kerjasama Unit Teknologi Maklumat**

| NAMA KURSUS | TARIKH | BIL. PESERTA |
|---|---|---|
| Penggunaan Windows 2000 Pro | April 2001 | 30 orang |
| Penggunaa Words 2000 Arabic | 11 & 12 April 2001 | 50 orang |
| Penggunaan Words 2000 - Table | April 2001 | 30 orang |
| MS Word 2000 - Mail Merge | April 2001 | 30 orang |
| MS Front Page 2000 - Introduction | 23 April 2001 | 20 orang |
| Penggunaan Power Point | Mei 2001 | 20 orang |
| Penggunaa Excel | Mei 2001 | 30 orang |
| Bengkel Penggunaa IT untuk Pengurusan KUIM | 24 Sept 2001 | 10 orang |

**Jadual 10 - Senarai Kursus / Latihan**

| NAMA KURSUS | TARIKH & TEMPAT | BIL. PESERTA |
|---|---|---|
| SQL Plus & Form Builder Report Builder | Bilik Latihan Komputer Tkt 9, IPB 26 & 27 Jan 2001 | 3 orang |
| Microsoft.Net Launch | Sheraton Hotel, Subang Jaya Mac 2001 | 1 orang |
| Microsoft.Net JumpStart Hand-On Training Labs & Seminar | New Horizons, Bandar Sunway 10 Mei 2001 | 2 orang |
| Latihan Penggunaan Mesin OMR OPScan4 | Bilik Server Tkt 9, IPB Jun 2001 | 3 orang |
| Building Knowledge For Your Agile Bussiness | Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur 11 Julai 2001 | 1 orang |
| Microsoft Tech Ed 2001 | Putra World Trade Center (PWTC) Kuala Lumpur 7 - 10 Ogos 2001 | 1 orang |
| Oracle Database Administration | Pusat Latihan Oracle, Menara Citibank 13 - 17 Sept 2001 | 1 orang |
| Oracle Database Backup & Recovery | Pusat Latihan Oracle, Menara Citibank 18 - 23 Sept 2001 | 1 orang |
| Oracle Form Design | Pusat Latihan Oracle, Menara Citibank 17 - 22 Sept 2001 | 1 orang |
| Oracle Report Design | Pusat Latihan Oracle, Menara Citibank 24 - 29 Sept 2001 | 1 orang |
| SQL 2000 Server : DBA Administration | Info Trek Sdn Bhd 3 - 7 Sept 2001 | 1 orang |
| SQL 2000 Server : Programming | Info Trek Sdn Bhd 10 - 14 Sept 2001 | 1 orang |
| SQL 2000 Server : DBA Administration | Info Trek Sdn Bhd 24 - 28 Sept 2001 | 1 orang |
| SQL 2000 Server : Programming | Info Trek Sdn Bhd 1 - 5 Okt 2001 | 1 orang |
| Macromedia Flash 5 : Advance Training | Conference Room, Wisma MCA Jln Ampang 6 Nov 2001 | 1 orang |
| Latihan Sambil Bekerja /Penempatan | Pusat Komputer UKM, Bangi 9 - 13 Okt 2001 | 1 orang |

**Jadual 11- Kursus anjuran Luar yang dihadiri oleh kakitangan KUIM tahun 2001**

| BIL | FAKULTI | HARI | TARIKH | ANJURAN | BIL. PESERTA |
|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kursus Penilaian Prestasi | 5 | 5-9 Feb | INTAN | 1 orang |
| 2 | Kursus Pengurusan Kos Strategik | 3 | 8-10 Mei | INTAN | 1 orang |
| 3 | Kursus Pengurusan Aset Awam | 4 | 21-24 Mei | INTAN | 1 orang |
| 4 | Kursus Belanjawan Ubahsuai | 3 | 22-24 Mei | INTAN | 1 orang |
| 5 | Kursus Perakaunan Kerajaan | 5 | 11-15 Jun | INTAN | 1 orang |
| 6 | Kursus Protokol, Etiket Sosial | 6 | 24-29 Sept | INTAN | 1 orang |
| 7 | Kursus SISPEN | 2 | 24-26 Sept | JPA | 1 orang |
| 8 | Kursus Pengurusan Organisasi | 4 | 5-9 Nov | INTAN | 1 orang |

Bagi penerapan budaya kerja yang cemerlang dan sikap yang positif, beberapa siri ucapan bulanan yang dikenali sebagai Tazkirah Syahriyyah telah disampaikan oleh Pengurusan Tertinggi yang terdiri daripada Pengerusi Lembaga Pengarah, Rektor, Timbalan Rektor serta Dekan-dekan Fakulti. Program bulanan ini melibatkan semua kakitangan Universiti yang meliputi topik-topik yang merangkumi bidang seperti budaya kerja berkualiti, pembentukan sikap-sikap yang positif dalam organisasi, pembangunan insan serta penilaian diri.

**Kemudahan Am**

Sebanyak 23 klinik panel telah dilantik pada tahun 2001 ini. Perlantikan tersebut adalah bagi tempoh setahun daripada Jun 2001 hingga Jun 2002. Dua klinik panel baru telah dilantik iaitu di sekitar Pandan Indah dan Bandar Baru Bangi. Dua klinik yang dilantik tersebut adalah bagi memudahkan kakitangan yang tinggal di kawasan tersebut menerima rawatan yang segera bagi kes-kes kecemasan yang menimpa mereka. Sebanyak RM 17, 606.60 telah dibelanjakan untuk menampung kos rawatan kakitangan.

Bagi pelajar-pelajar KUIM, dua buah klinik yang telah dilantik adalah di sekitar Pandan Indah iaitu yang berdekatan dengan Kampus Sementara Kedua. Ini adalah bersesuaian dengan perpindahan pusat pembelajaran pelajar KUIM daripada Menara IPB ke Menara Pandan A, Persiaran MPAJ pada awal bulan Jun 2001. Manakala bagi kos rawatan bagi para pelajar KUIM adalah sebanyak RM 37, 498.00.

**Perjalanan dan Penginapan**

Perlantikan keenam-enam panel tempahan tiket kapal terbang telah diperbaharui. Melalui perlantikan terbaru ini, proses tempahan tiket kapal terbang telah digilirkan kepada keenam-enam syarikat tersebut. Sebanyak RM 34, 897.00 telah dibelanjakan bagi menampung kos penerbangan kakitangan KUIM.

Manakala, bagi urusan-urusan rasmi pentadbiran dan akademik sebanyak RM 34, 315.25 telah dibelanjakan bagi menampung kos penginapan hotel.

Pengangkutan pelajar dari Asrama Sementara ke Kampus Sementara Kedua telah diuruskan oleh salah sebuah syarikat swasta dengan kos penyewaan sebanyak RM 25,000.00 sebulan. Sebanyak dua buah bas syarikat telah digunakan dengan dibantu oleh sebuah bas rasmi KUIM.

Bagi memperkemaskan penggunaan telefon di Kampus Sementara Kedua (KS2), sistem PABX telah digunakan iaitu dengan talian maksimum sebanyak 185 talian. Jumlah kos pemasangan dan pembelian sistem PABX tersebut telah menelan belanja sebanyak RM 95, 750.00.

**Kenderaan Universiti**

Tiga buah kereta Proton Perdana 2.0 V6 telah dibeli untuk kegunaan rasmi tiga orang Profesor yang telah dilantik sebagai Timbalan Rektor II dan dekan-dekan fakulti. Sebuah Proton Wira 1.5Gli, sebuah Mitsubishi Pajero dan sebuah motosikal Modenas Kriss juga telah dibeli untuk kegunaan pentadbiran dan pelajar.

Satu kad inden Shell telah diterima sebagai pelan kontingensi kepada masalah yang mungkin berlaku pada kad inden Smartpay Petronas.

Bagi memastikan penyelenggaraan kenderaan pada tahap yang sentiasa memuaskan dua buah panel penyelenggaraan yang berdekatan dengan Kampus Sementara KUIM dan berkelayakan telah dilantik.

Kad Touch & Go juga telah dilaksanakan pemakaiannya.

Jumlah kos pembelian kenderaan pada tahun 2001 adalah sebanyak RM 457, 000.00 dan sebanyak RM 38, 975.00 telah dibelanjakan untuk menampung kos minyak dan penyelenggaraan.



# KAMPUS SEMENTARA

Kolej Univesiti Islam Malaysia (KUIM) telah memulakan operasinya di Kampus Sementara Pertama (KS1) di Menara Institut Profesional Baitulmal, Lot 1363, Jalan Perkasa Off Jalan Kampung Pandan, 55100, Kuala Lumpur mulai Jun 2000 dengan pengambilan pelajar seramai 255 orang.



Memandangkan pengambilan pelajar yang semakin bertambah pada 2001, KUIM telah menyewa tempat baru iaitu di Menara A , Persiaran MPAJ di Pandan Indah milik Maxisegar Construstion Sdn. Bhd., anak syarikat Talam Corporation. Ruang bangunan sebanyak 6 tingkat telah disewa bagi menempatkan Kampus Sementara Kedua (KS2) untuk kemudahan bilik kuliah, tutorial, pentadbiran Fakulti dan kemudahan pelajar. Jumlah keluasan lantai ialah sebanyak 92,964 kaki persegi.



Kerja-kerja ubahsuai telah dijalankan bagi tujuan menyediakan bilik-bilik pensyarah, pejabat dekan dan kemudahan pelajar. Selain daripada itu, kemudahan Telefon Sistem PABX, Sistem Siaraya, Perkhidmatan Kontrak Pembersihan dan Kawalan Keselamatan juga telah dilantik bagi memenuhi keperluan di KS2. Kos keseluruhan kerja-kerja ubahsuai tersebut lebihkurang RM600,000.

Diantara kerja-kerja yang telah dilaksanakan untuk KS2 adalah seperti berikut :

1) Kerja ubahsuai penyediaan bilik-bilik kuliah, tutorial dan bilik-bilik pensyarah.
2) Kerja ubahsuai pendawaian elektrik, penambahan lampu dan punca kuasa.
3) Sistem Telefon PABX
4) Pemasangan Papan Tanda
5) Perkhidmatan Pembersihan

6) Perkhidmatan Kawalan Keselamatan
7) Sistem Siaraya
8) Sistem Keselamatan Litar TV Tertutup

Disamping itu kerja-kerja ubahsuai telah dilaksanakan untuk tingkat 13, 14 & 15 di menara 'A' bagi memindahkan pengurusan yang berada di menara IPB. Ini adalah untuk memudahkan dan meningkatkan keberkesanan pengurusan universiti disamping menjimatkan kos sewaan. Perpindahan sepenuhnya telah dilakukan pada akhir Januari 2002.

Bagi menampung pertambahan pelajar untuk sesi 2002/2003, KUIM telah bersetuju pada dasarnya untuk menyewa dua tingkat (tingkat 9 & 10) di Menara B. Di blok ini KUIM bercadang mengadakan hanya kemudahan pembelajaran sahaja iaitu seperti bilik-bilik kuliah dan tutorial. Keluasan setiap tingkat masing-masing ialah 15,494 kaki persegi.

**Penyelenggaraan**

Terdapat tiga blok bangunan yang perlu diselenggarakan iaitu KS1 (Menara Institut Profesional Baitulmal), KS2 (Menara A, Persiaran MPAJ) dan Asrama Pelajar (Riviera II dan Riviera III). Anggaran kos penyelenggaraan untuk sistem elektrik, telefon dan sebagainya lebihkurang RM 1000.00 sebulan.

Untuk kerja-kerja pembersihan KUIM melantik kontraktor tetap dengan kos RM 6,780.00 sebulan yang ditempatkan di menara A, manakala di Menara IPB KUIM kos pembersihan ini dibayar terus kepada pihak pengurusan bangunan tersebut. Setakat ini untuk pembersihan tempat awam (common area) bangunan asrama pelajar lelaki dan perempuan dilakukan oleh pihak pengurusan bangunan tersebut.

# KAMPUS TETAP

Satu kawasan tapak seluas 471.8 ekar yang terletak di Bandar Baru Nilai telah diambil alih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Ketua Pengarah Tanah & Galian Malaysia (KPTG). Perbicaraan pengambilan tanah telah selesai pada 24 Mei 2001 dengan kos pampasan sebanyak RM125,363,344.09 pada kadar RM6.10 sekaki persegi.

Lokasi kampus universiti ini sangat sesuai dan strategik kerana ianya terletak dalam lingkungan MSC (Multimedia Super Corridor) disamping pelbagai kemudahan infrastruktur yang telah siap dibina oleh pemaju kawasan tersebut. Tambahan lagi tapak universiti ini terletak ditepi lingkaran lebuhraya Utara Selatan dan Elite Highway serta keadaan rupabumi yang berbukit akan menjadikan kampus universiti ini tersergam indah dan menarik perhatian.

KUIM berhasrat untuk berpindah ke kampus tetap pada pertengahan 2004. Ini bertujuan untuk menjimatkan kos sewaan bangunan di Kampus Sementara yang begitu tinggi dan yang lebih utama ialah pelajar-pelajar akan dapat belajar dalam suasana kampus yang lebih selesa, sesuai dan menarik.




Oleh itu untuk memenuhi hasrat ini, satu lawatan tapak Ahli Lembaga Pengarah telah diadakan pada 5 Julai 2001 dan kemudiannya diikuti oleh Bengkel Penyediaan Ringkasan Projek bagi tujuan mengenal pasti keperluan ruang serta kemudahan untuk setiap Jabatan dan Unit. Jawatankuasa Pembinaan Kampus Tetap juga telah melantik Pengurus-Pengurus Projek bagi setiap bangunan yang terdiri daripada ketua-ketua Jabatan atau Unit masing-masing bagi tujuan tersebut dan seterusnya mengawasi pembinaannya sehinggalah siap untuk diambilalih.

Beberapa Jawatankuasa juga telah dibentuk bagi memantau perkembangan pembangunan kampus tetap. Jawatankuasa Pemandu Pembinaan Kampus Tetap yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan dan ahli-ahlinya terdiri daripada wakil-wakil:-

a) Pengarah Jabatan Pendidikan Tinggi (urusetia)
b) Kementerian Kewangan
c) Unit Perancang Ekonomi
   - *Unit Sosial*
d) Unit Perancang Ekonomi
   - *Unit Teknikal*
e) KUIM

Kedua ialah Jawatankuasa Petugas Pembinaan Kampus tetap KUIM yang dipengerusikan oleh pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (Dato' Dr Mohd Yusof Hj Mohd Nor) dan ahli-ahlinya terdiri daripada

a) Rektor
b) Timbalan Rektor Ekademik dan Penyelidikan
c) Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan
d) Pendaftar
e) Bendahari
f) Pengarah Unit Pembangunan (urusetia)
g) Pengarah Unit IT

Seterusnya yang ketiga ialah Jawatankuasa Penyelaras Pembangunan Kampus Tetap yang akan dipengerusikan oleh Rektor dan ahli-ahlinya terdiri daripada

a) Timbalan Rektor Ekademik dan Penyelidikan
b) Timbalan Rektor HEP dan Pembangunan
c) Pendaftar
d) Bendahari
e) Pengarah Unit Pembangunan (urusetia)
f) Pengarah Unit IT
g) Pengurus Projek

Pada 17hb Oktober 2001 Kementerian Kewangan telah melantik PMC (Project Management Consultant) untuk menguruskan perlaksanaan projek kampus tetap universiti ini dan 29hb Oktober 2001 mesyuarat pertama telah diadakan bagi membincangkan perancangan kerja pelan induk. Mengikut Perancangan Pembangunan Kampus Tetap KUIM dijangka akan dilaksanakan dalam dua fasa. Fasa I (2001-2005 dalam RMK 8) untuk 5000 pelajar dan Fasa II (2006-2010 dalam RMK 9) maksima 10,000 pelajar.

Bangunan yang dijangka akan dibina dalam Fasa I ialah :

1) Bangunan Pentadbiran
2) Bangunan Perpustakaan
3) Bangunan HEP & Kemudahan Pelajar
4) Bangunan Fakulti
   i) Dakwah & Pengurusan Islam
   ii) Syariah & kehakiman
5) Kolej Kediaman Pelajar (4000 pelajar)
6) Rumah Pengetua & Kakitangan Penting
7) Pusat Islam
8) Pusat Teknologi Maklumat
9) Kompleks Pembangunan & Stor Pusat
10) Dataran Selera
11) Dewan Serbaguna
12) Pusat Komersil
13) Kemudahan Sukan
14) Rumah Tamu Universiti

Kerja ukur sempadan telah dilaksanakan pada oktober 2001 dengan kos RM10,000.00 dan seterusnya diikuti oleh kerja-kerja pemasangan pagar serta papan tanda makluman pemilik hartanah berjumlah RM16,000.00 bagi mengelakkan pencerobohan.

Kerja-kerja tanah dijangka akan di mulakan pada Mac 2002, diikuti oleh kerja-kerja pembinaan infrastruktur seperti jalan, longkang, elektrik dan air. Seterusnya kerja-kerja pembinaan bangunan pada Jun 2002.

Sepanjang tahun 2001 pelbagai usaha telah dijalankan oleh Unit Teknologi Maklumat untuk membantu pihak pengurusan universiti melaksanakan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan ICT.

## PERKHIDMATAN PENGGUNA

KUIM telah memasang rangkaian internet melalui perkhidmatan talian suwa 128kbps melalui GITN dengan kos berjumlah RM62,632. Perkhidmatan rangkaian internet ini telah membolehkan warga KUIM melayari internet dengan lebih selesa. Serentak dengan itu sebuah server laman web telah beroperasi dengan alamat www.kuim.edu.my sebagai laman web rasmi KUIM. Disamping itu KUIM juga mempunyai sebuah laman Web di luar KUIM yang dihoskan di kuim.skali.net.

Rangkaian Kampus KUIM juga telah berkembang dari hanya 100 talian di Menara IPB menjadi 250 talian dengan pertambahan 150 talian di Kampus Sementara Ke 2 KUIM. Unit Teknologi Maklumat telah merancang sistem rangkaian setempat LAN untuk Kampus Sementara Ke 2 dengan kos minimum RM63,190.




Serentak dengan pemasangan talian rangkaian internet, KUIM juga memperolehi sebuah Server Compaq Proliant ML530 untuk server Exchange 2000 yang dijadikan server email dengan kos RM35,034.

KUIM telah menandatangi perjanjian untuk memperolehi perisian automasi pejabat melalui Perjanjian Kampus Microsoft. Melalui perjanjian ini KUIM dibenarkan menggunakan Perisian MS Windows 2000, MS Office 2000, Microsoft Office XP, Microsoft Office 2000:Mac, Microsoft FrontPage 2000, Perisian Visual Studio 2000 dan Backoffice Client Access License. Melalui perjanjian ini KUIM perlu membayar lesen tahunan mengikut bilangan staf KUIM. Bagi tahun 2001 KUIM membayar sejumlah RM19,370.

Sejajar dengan itu, KUIM telah menambah pembelian perkakasan dan perisian komputer untuk memenuhi keperluan pengguna yang bertambah. Antara lain ialah 45 PC Pentadbiran, 20 PC untuk Makmal, 10 Pencetak, Mesin OMR Opscan 3, Printer Tally 6100, 2 unit CD-Writer, 1 unit Maxtor IEEE1394 External Storage 80Gb, 6 unit Scanner, Perisian Dewan Eja, Perisian AutoCad 2000, Perisian SPSS for Windows dan Macromedia Web Development Collection.



Perolehan Mesin OMR Opscan 3 membolehkan kerja pemprosesan borang jawapan soalan objektif dan borang soal selidik penyelidikan dilakukan sendiri oleh universiti. Kemudahan Perisian SPPS for Windows diadakan untuk memberi kemudahan analisis data kepada penyelidikan universiti.

Keseluruhan perbelanjaan perolehan perisian dan perkakasan komputer ini dianggarkan kira-kira RM299,326.

Dalam tahun 2001, makmal komputer telah ditambah 20 komputer peribadi menjadi 50 komputer peribadi dengan kos RM81,320. Makmal ini diguna sama untuk tujuan pengajaran makmal komputer bagi Kursus KU1032 – Penghantar Teknologi Maklumat, capaian internet , menyediakan kerja kursus pelajar dan latihan kakitangan.

# PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT

Dalam tahun 2001 telah ditumpukan usaha untuk membangunkan Sistem Maklumat Pengurusan Pelajar (SMPP) melalui perjanjian kontrak dengan Kos RM250,000.

Projek SMPP telah dimulakan pada 20 Disember 2000 dan siap sepenuhnya pada 31 Disember 2001 meliputi modul-modul Kemasukan, Akaun Pelajar, HEP, Jadual Waktu, Pendaftaran, Peperiksaan dan Pengijazahan.

Sistem ini telah membantu proses kemasukan pelajar bagi sesi 2001/2002 sehingga Hari Pendaftaran Pelajar Baru pada 19 Mei 2001 yang lalu. SMPP juga mempunyai Modul Akaun Pelajar yang disepadukan dengan Sistem Akaun Universiti UBS Accounting.

Kemudahan Sistem Akaun Universiti melalui Sistem UBS Accounting telah ditambah dengan modul UBS Payroll dan UBS Stock Control. Proses Pembayaran Gaji telah mula menggunakan sistem ini sejak Februari 2001. Pejabat Bendahari juga telah dipasang perkhidmatan e-banker yang menghubungkan terus ke pusat data Bank Islam Malaysia Bhd.

Sistem Maklumat Pengurusan Staf (SEMAT) terus diperkemaskan untuk membantu Bhg Sumber Manusia dalam proses pengambilan kakitangan. Sistem Sispen dan Sistem Cuti Online mula digunakan untuk merekod maklumat kakitangan. SISPEN telah membantu KUIM memperkemas rekod biodata kakitangan dan rekod cuti rehat.

Sistem Perolehan Buku Perpustakaan dibangunkan untuk membantu Perpustakaan menyediakan pelbagai laporan dalam proses perolehan buku.

Sistem Maklumat Ringkasan Projek (SMRP) dibangunakan untuk membantu Unit Pembangunan menguruskan rekod bagi Projek Pembangunan Kampus Tetap. Melalui SMRP boleh direkodkan permohonan ruang dan peralatan.

Usaha telah dimulakan untuk menyediakan Pelan Induk ICT Kampus Tetap KUIM. Satu Jawatankuasa Kecil Penyediaan Pelan Induk ICT Kampus Tetap KUIM telah ditubuhkan.

Satu bengkel telah diadakan pada 9 Nov 2001, di Cititel Mid Valley, Kuala Lumpur bagi membincangkan pelan induk ICT Kampus Tetap KUIM. Empat (4) kertas kerja telah dibentangkan dan perbincangan kumpulan telah dijalankan untuk menyediakan keperluan ICT di Kampus Tetap KUIM.

Unit Teknologi Maklumat menghadapi cabaran yang besar dalam menyediakan perkhidmatan pengguna dengan bilangan staf yang sedia ada dan kurang berpengalaman. Dengan pertambahan bilangan PC dan perisian komputer menjadikan beban tugas kakitangan teknikal bertambah.



Kolej Universiti Malaysia (KUIM) yang dikenali sebagai universiti alaf baru bertekad untuk menjadi sebuah universiti yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam yang menggunakan teknologi terkini bagi menyelesaikan isu-isu semasa yang berkaitan dengan masyarakat dan Islam. Selaras dengan itu, Perpustakaan KUIM telah bergerak ke arah pengautomasian perpustakaan.

Bagi memantapkan lagi kerja pembelian bahan perpustakaan, satu sistem perolehan bahan telah dibangunkan. Proses-proses penyemakan, cetakan borang pesanan, penerimaan dan pembatalan pembelian dapat dilakukan dengan pantas dan berkesan. Sistem Perolehan berkomputer ini dapat membantu perpustakaan bagi memperolehi 1,689 judul buku dan 61 judul bahan pandang dengar bagi tahun 2001. Proses pembelian bahan perpustakaan menjadi penting dalam mengukuhkan koleksi dan perpustakaan sedang berusaha untuk memindahkan pengkalan data perolehan ke pengkalan data yang berkeupayaan lebih tinggi.

Sistem Pengkatalogan perpustakaan dapat dipermudahkan dengan bantuan Sistem Pengkatalogan OCLC (Online Computer Library Center). Sistem ini dapat menyimpan data dalam bentuk MARC (Machine Readable Catalog), di mana rekod MARC dapat memudahkan proses perolehan data apabila perpustakaan hendak melaksanakan Sistem Perpustakaan Berautomasi. OCLC juga dapat mempercepatkan lagi proses mengkatalog di mana sebanyak 1,130 judul bahan telah dikatalog sepanjang tahun 2001.

Perpustakaan KUIM telah berpindah ke bangunan baru di Pandan Indah pada April 2001 dengan keluasan 6,000 kaki persegi dan berkeupayaan menampung lebih kurang 200 orang pengguna pada satu masa. Pertambahan keluasan lantai perpustakaan dan keupayaan tersebut dapat menampung lebih ramai pengguna. Seramai 40,669 orang pengguna telah menggunakan perpustakaan sepanjang tahun 2001. Selain dari ruang untuk belajar, Perpustakaan juga menyediakan perkhidmatan internet, bilik perbincangan, laci berkunci, mesin fotokopi, ruang bilik bacaan bebas, surat khabar kebelakangan dan perkhidmatan NSTPonline dan perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan. Pinjaman buku juga dimulakan pada awal Mac 2001 dan pinjaman sepanjang tahun 2001 ialah sebanyak 6,432 naskah.

Perpustakaan KUIM juga telah memperkenalkan beberapa koleksi seperti Koleksi Am, Koleksi Jurnal, Koleksi Rujukan, Koleksi Kamus, Koleksi Undang-Undang, Koleksi Buku Bertanda Merah dan Koleksi Multimedia yang merangkumi CDROM, Video dan Cakera Liut. Setiap koleksi ditempatkan di ruangan yang berasingan. Pengasingan koleksi perpustakaan ini dapat memudahkan pengguna menggunakan bahan-bahan perpustakaan.

Koleksi perpustakaan dapat dimantapkan lagi dengan 4,034 judul buku beserta 83 judul bahan audito visual. Jumlah keseluruhan koleksi perpustakaan sehingga tahun 2001 ialah 5,494 naskhah dan 70% daripada koleksi perpustakaan ialah bahan-bahan berbahasa Arab.



Perpustakaan KUIM juga telah menyertai Konsortium Perpustakaan Akademik dan Perpustakaan Negara Malaysia bagi memudahkan lagi pertukaran maklumat di antara perpustakaan tersebut dengan Perpustakaan KUIM. Salah satu kebaikan yang didapati dari konsortium tersebut ialah Perpustakaan KUIM dapat mengakses 2 pangkalan data atas talian iaitu 'EBSCO host' dan 'proquest academic'. Kedua-dua pengkalan data ini merangkumi maklumat dalam bidang pengurusan perniagaan dan pendidikan.

Kepimpinan universiti yang mantap dapat memainkan peranan yang besar bagi menentukan hala tuju perpustakaan yang berhasrat menjadi perpustakaan maya di masa akan datang. Perpustakaan KUIM akan menjadi pusat maklumat Islam di rantau Asia Tenggara selain menjadi perpustakaan digital Islam yang unggul.

**Jadual 12 : Statistik Perkhidmatan Perpustakaan tahun 2001**

| PENGGUNA KE PERPUSTAKAAN | PINJAMAN BUKU | PEMULANGAN BUKU | DENDA (RM) | JUALAN KAD (RM) | PENGGUNAAN BILIK INTERNET |
|---|---|---|---|---|---|
| 40669 | 6432 | 5890 | 204.40 | 5335 | 578 |

Selaras dengan hasrat Universiti untuk memperkenalkan KUIM sebagai sebuah institusi ilmu yang terkehadapan dalam bidang pengajian Islam, KUIM telah menyertai pameran-pameran Pendidikan & Kerjaya di serata Malaysia bagi tujuan promosi. Pada 22-25 Februari 2001, KUIM telah menyertai Ekspo Pendidikan Lanjutan dan Kerjaya Pantai Timur 2001 yang dianjurkan oleh Kolej Universiti Terengganu (KUT) di Kuala Terengganu. Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) turut menyertai Education Fair in Conjunction with Federation of Universities of the Islamic World (FUIW) yang dianjurkan oleh Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) Kuala Lumpur pada 17-19 April 2001 di Hotel Legend Kuala Lumpur. KUIM juga telah menyertai Pameran Hari Kerjaya dan Kokurikulum 2001 yang dianjurkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Kerian pada 27 Oktober 2001 di SMK Agama Kerian, Semanggol, Perak.

Pada 24 November 2001, KUIM telah menerima lawatan daripada Prof. Zakaria Stapa, Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), FPI Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di Kampus Sementara Kedua KUIM. Satu syarahan umum oleh Prof. Zakaria Stapa telah diadakan bersempena dengan lawatan tersebut.




Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) turut menerima lawatan daripada Prof. Dr. Ahmed Abdul Ghaffar Ebaid, Dekan Pengajian Islam dan Bahasa Arab Universiti Al-Azhar Cawangan Iskandariah pada 23 Mac 2001. Bersempena dengan lawatan tersebut, satu sesi taklimat dan jamuan makan tengahari telah diadakan di Hotel Equatorial Bangi, Selangor.

KUIM juga telah menerima lawatan Ilmiah daripada pelajar Madrasah AlJunied Al-Islamiah, Singapura pada 5 September 2001. Pada sesi lawatan tersebut, Y. Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin, Timbalan Rektor Akademik telah berbesar hati untuk memberi taklimat berhubung perkembangan akademik Universiti kepada para

pelawat tersebut. Para pelawat turut dibawa melawat ke Perpustakaan Universiti, Makmal Komputer serta Bilik Kuliah KUIM di Kampus Sementara Kedua KUIM di Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur.

Pada 3 Oktober 2001, KUIM telah menerima lawatan daripada 20 Imam Muda dan 10 Muslimah dari Papua New Guinea, Australia, Sri Lanka, Filipina, Myanmar, Thailand, Vietnam, Jepun, China, Nigeria, Kepulauan Solomon, Kemboja dan Malaysia dari Majlis Da'wah Islamiah Serantau Asia Tenggara dan Pasifik (RISEAP) yang terlibat dalam Kursus Kefahaman Islam di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM). Bersempena dengan lawatan tersebut, Y. Bhg. Prof. Dr. Muhammad Muda, Dekan Fakulti Ekonomi dan Muamalat telah memberi taklimat berhubung perkembangan akademik Universiti serta para pelawat telah dibawa melawat ke Perpustakaan Universiti di Kampus Sementara Kedua di Menara A, Persiaran MPAJ, Pandan Indah, Kuala Lumpur.



Untuk memastikan kerjasama dan perhubungan berterusan di kalangan institusi Pengajian Tinggi, media massa, media cetak, jabatan-jabatan kerajaan dan swasta serta orang perseorangan, KUIM telah berbesar hati untuk mengirimkan maklumat akademik Universiti termasuklah brosur Buletin KUIM, Buku Panduan Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian 2001/2002 serta brosur Program Ijazah Pertama Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM).

KUIM juga telah menganjurkan Majlis Percambahan Fikiran Mengenai Peranan Dan Masa Depan KUIM pada 10 Mac 2001 di Hotel Equatorial Bangi, Selangor yang bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli akademik, pengurusan dan profesional untuk memberi pandangan dan input bagi memastikan misi KUIM untuk menjadi sebuah Universiti yang terkehadapan dalam bidang pengajian dan penyelidikan Islam di rantau ini tercapai.

# Pengurusan Kewangan 2001

(Belum diaudit)

KUIM telah diberi peruntukan di bawah Belanja Mengurus untuk tahun 2001 sebanyak RM 9,568,200.00 dan pecahannya adalah seperti berikut :

1. Peruntukan Sedia Ada RM 8,605,200.00
2. Peruntukan Dasar Baru RM 200,000.00
3. Peruntukan One-Off RM 763,000.00

Peruntukan ini telah diagihkan mengikut program utama iaitu Program Akademik, Program Teknikal & Khidmat Sokongan dan Program Pengurusan. Selaras dengan pertambahan pelajar dan aktiviti, KUIM telahpun memindahkan sebahagian daripada operasinya di Kampus Sementara Kedua KUIM yang terletak di Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur. Bagi memantapkan lagi pengurusan KUIM, perpindahan keseluruhan pejabat pengurusan KUIM dijangka akan selesai dilakukan menjelang akhir bulan Januari 2002 setelah kerja-kerja ubahsuai ruang pejabat yang terlibat selesai dilaksanakan. Sehubungan dengan ini, KUIM telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM 4,952,800.00 bagi menampung kos operasinya di kampus sementara kedua. Peruntukan tambahan ini juga adalah bagi menampung kos penempatan pelajar KUIM yang telah bertambah dari 255 orang kepada 811 orang pada sesi 2001/2002 ini. Para pelajar ini telah ditempatkan di Asrama Pelajar Riviera II ( bagi pelajar lelaki ) dan Riviera III (bagi pelajar wanita), Jalan Bunga Cempaka 15, Taman Muda 55000 Cheras, Kuala Lumpur memandangkan penempatan pelajar di asrama yang ada di Institut Profesional Baitulmal tidak dapat menampung pertambahan pelajar yang telah mula mendaftar pada pertengahan bulan Mei tahun 2001 ini.



Di samping Peruntukan Belanja Mengurus, KUIM juga telah diluluskan Peruntukan Pembangunan yang melibatkan pembangunan kampus tetap KUIM dibawah Rancangan Malaysia Ke 8 iaitu sebanyak RM 477.3 juta. Bagi tahun 2001, sebanyak RM 128.18 juta telah diperuntukkan kepada KUIM dan pembelian tanah dengan kos sebanyak lebih kurang 125 juta telah dibelanjakan bagi tujuan pembangunan Kampus Tetap KUIM yang akan dibina di Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus. Buat masa ini, kemajuan kerja bagi projek Kampus Tetap KUIM ini masih diperingkat penyediaan ringkasan projek, pelan konsep serta pelan susunatur.

Bagi menampung aktiviti dan pembangunan pelajar, aktiviti penyelidikan, pembangunan sumber manusia, kebajikan pelajar dan kakitangan, tabung-tabung berikut telah ditubuhkan iaitu Tabung Kewangan Pelajar, Tabung Kewangan Sementara (untuk pelajar) Tabung Pengetua Asrama KUIM, Tabung Kebajikan Pelajar, Tabung Program Pembangunan Sahsiah Pelajar, Tabung Pinjaman Kenderaan KUIM ( untuk kakitangan ), Tabung Pinjaman Komputer KUIM ( untuk kakitangan ), Tabung Penyelidikan Jangka Pendek, Tabung Seminar KUIM, Tabung Kebajikan Kakitangan KUIM, Skim Latihan Akademik Bumiputra (SLAB) dan lain-lain tabung yang akan ditubuhkan dari masa ke semasa mengikut keperluan.

**PENYATA OLEH LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI**
**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA**

---

Kami **DATO' DR. MOHD. YUSOF NOOR** dan **PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN** yang merupakan dua orang daripada Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ini menyatakan, bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti, bahawa pada pendapat kami Kunci Kira-kira, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan yang berikut ini berserta yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia pada 31 Disember 2001 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Nama : Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor

Gelaran: Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Tarikh : 4 APRIL 2002

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur

Bagi Pihak Lembaga Pengarah Universiti,

Nama : Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin

Gelaran: Rektor

Tarikh : 4 APRIL 2002

Tempat : Kolej Universiti Islam Malaysia, Kuala Lumpur

# PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

Saya **ROHANI BINTI ABU (K.P: 500621-07-5234)** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Kolej Universiti Islam Malaysia dengan ikhlasnya mengakui bahawa Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2001, Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan dan Penyata Perubahan dalam Kedudukan Kewangan bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya }
diakui oleh penama di atas }
**ROHANI BINTI ABU** } .......................................
di Kuala Lumpur }
pada - 3 APR 2002 ........ }

Di hadapan saya,

PESURUHJAYA SUMPAH MALAYSIA
No: W 316
ZAINALABIDIN BIN [illegible]AN

PESURUHJAYA SUMPAH

NO 8, JALAN PANDAN INDAH 4/4
PANDAN INDAH
55100 KUALA LUMPUR

## KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
## KUNCI KIRA-KIRA PADA DISEMBER 2001

| | NOTA | 2001 RM (Belum diaudit) | 2000 RM (Telah diaudit) |
|---|---|---|---|
| ASET TETAP | | | |
| INFRASTRUKTUR | | 113,787.20 | 0.00 |
| UBAHSUAI PEJABAT | | 456,976.17 | 115,371.99 |
| KENDERAAN DAN JENTERA | | 1,093,562.68 | 936,618.60 |
| KOMPUTER DAN RANGKAIAN | | 1,072,911.20 | 639,820.80 |
| MESIN/ALAT PEJABAT | | 90,469.90 | 33,448.50 |
| PERABOT DAN PASANGAN | | 1,024,004.71 | 349,071.75 |
| ALAT BANTUAN MENGAJAR | | 26,286.00 | 23,922.00 |
| ASET ASRAMA | | 296,518.60 | 2,388.60 |
| ALAT PANDANG DENGAR | | 33,968.00 | 0.00 |
| ALAT PERHUBUNGAN | | 29,480.80 | 0.00 |
| JUMLAH ASET TETAP | 2 | 4,237,965.26 | 2,100,642.24 |
| ASET SEMASA | | | |
| WANG DI TANGAN DAN BAKI DI BANK | 3 | 5,267,210.15 | 1,256,204.96 |
| SIMPANAN TETAP | 4 | 2,092,763.56 | 2,031,319.66 |
| DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU | 5 | 908,938.60 | 55,800.00 |
| PELBAGAI PENGHUTANG | 6 | 67,696.93 | 47,362.80 |
| PENGHUTANG PELAJAR | 7 | 100,761.00 | 283,689.00 |
| STOK | | 0.00 | 38,374.74 |
| JUMLAH ASET SEMASA | | 8,437,370.24 | 3,712,751.16 |
| Tolak: | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| PEMIUTANG | 8 | 324,778.89 | 561,953.11 |
| JUMLAH LIABILITI SEMASA | | 324,778.89 | 561,953.11 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 12,350,556.61 | 5,251,440.29 |
| | | 12,350,556.61 | 5,251,440.29 |
| DIBIAYAI OLEH | | | |
| KUMPULAN WANG PENGURUSAN | 9 | 21,053,000.00 | 7,232,000.00 |
| PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH | 10 | 143,508.16 | 15,495.00 |
| SKIM LATIHAN KAKITANGAN BUMIPUTRA (SLAB) | 11 | 400,000.00 | 100,000.00 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN | | (9,245,951.55) | (2,096,054.71) |
| | | 12,350,556.61 | 5,251,440.29 |

# KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA
# PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELAJAAN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2001

| | 2001 RM (Belum diaudit) | 2000 RM (Telah diaudit) |
|---|---|---|
| PENDAPATAN | | |
| YURAN PENGAJIAN | 2,133,246.92 | 648,056.50 |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN | | |
| HASIL PERKHIDMATAN | 10,555.93 | 5,574.97 |
| JUALAN KAD FOTOSTAT | 5,267.85 | 840.00 |
| HASIL SEWAAN | 7,200.00 | 0.00 |
| YURAN SEMINAR | 0.00 | 19,670.00 |
| PELBAGAI PENERIMAAN | 7,203.20 | 3,530.00 |
| HIBAH | 135,143.64 | 69,935.76 |
| | 165,370.62 | 99,550.73 |
| JUMLAH PENDAPATAN | 2,298,617.54 | 747,607.23 |
| Tolak: PERBELANJAAN | | |
| EMOLUMEN | | |
| GAJI POKOK | 2,035,308.79 | 710,778.62 |
| IMBUHAN/ELAUN TETAP | 845,587.07 | 351,073.30 |
| SUMBANGAN BERKANUN | 230,875.20 | 38,460.05 |
| ELAUN LEBIH MASA | 58,851.81 | 10,300.75 |
| FAEDAH KEAWANGAN YANG LAIN | 228,276.78 | 25,648.90 |
| PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| PERJALANAN DAN SARAHIDUP | 75,812.11 | 12,783.75 |
| PENGANGKUTAN BARANG-BARANG | 17,920.00 | 0.00 |
| PERHUBUNGAN DAN UTILITI | 352,459.11 | 75,247.44 |
| SEWAAN | 2,240,327.84 | 396,251.93 |
| MINYAK KENDERAAN | 27,554.31 | 6,090.94 |
| BEKALAN DAN BAHAN-BAHAN LAIN | 844,957.39 | 448,495.79 |
| PENYELENGGARAAN/PEMBAIKAN KECIL YANG DIBELI | 197,136.36 | 62,504.92 |
| PERKHIDMATAN IKTISAS/LAIN-LAIN | 1,113,393.82 | 473,954.19 |
| PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN | | |
| BIASISWA DAN BANTUAN PELAJARAN | 5,100.00 | 0.00 |
| PEMBERIAN DALAM NEGERI | 53,728.97 | 0.00 |
| FAEDAH DAN DIVIDEN | 284.00 | 0.00 |
| BELANJA SUSUTNILAI | 1,117,509.15 | 232,071.36 |
| JUMLAH PERBELANJAAN | 9,445,082.71 | 2,843,661.94 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN SEMASA | (7,146,465.17) | (2,096,054.71) |
| LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS SEBELUM PELARASAN | (2,096,054.71) | 0.00 |
| PELARASAN PADA TAHUN LEPAS | (3,431.67) | 0.00 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN TAHUN LEPAS SELEPAS PELARASAN | (2,099,486.38) | 0.00 |
| LEBIHAN/(KURANGAN) DARI PENDAPATAN | (9,245,951.55) | (2,096,054.71) |

# PENYATA ALIRAN TUNAI
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2001

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan daripada Perbelanjaan | (7,146,465.17) | (2,096,054.71) |
| Pelarasan bagi perkara yang tidak melibatkan pergerakan dana : | | |
| Susutnilai harta tetap | 1,117,509.15 | 232,071.36 |
| Pelarasan Tahun Lepas | (3,431.67) | 0.00 |
| Aliran tunai daripada operasi sebelum perubahan modal kerja | (6,032,387.69) | (1,863,983.35) |
| Pengurangan/(Pertambahan) modal kerja : | | |
| (Pertambahan) Pelbagai Pengutang | (690,544.73) | (386,851.80) |
| (Pertambahan) Stok | 38,374.74 | (38,374.74) |
| (Pengurangan) Pelbagai Pemiutang | (237,174.22) | 561,953.11 |
| Tunai bersih dari aktiviti operasi | **(6,921,731.90)** | **(1,727,256.78)** |
| ALIRAN TUNAI UNTUK AKTVITI PELABURAN | | |
| Pembelian harta tetap | (3,254,832.17) | (2,332,713.60) |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan | **(3,254,832.17)** | **(2,332,713.60)** |
| ALIRAN TUNAI UNTUK AKTIVITI KEWANGAN | | |
| Pembiayaan dari Pelbagai Tabung | 128,013.16 | 15,495.00 |
| Pembiayaan dari Kumpulwang Pengurusan | 14,121,000.00 | 7,332,000.00 |
| Tunai bersih digunakan untuk aktiviti kewangan | **14,249,013.16** | **7,347,495.00** |
| PERTAMBAHAN/(PENGURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI | 4,072,449.09 | 3,287,524.62 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN | 3,287,524.62 | 0.00 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN | 7,359,973.71 | 3,287,524.62 |
| TUNAI DAN KESETARAAN TERMASUK :- | | |
| Tunai dan Bank | 5,267,210.15 | 1,256,204.96 |
| Simpanan Tetap | 2,092,763.56 | 2,031,319.66 |
| | 7,359,973.71 | 3,287,524.62 |

# NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
# BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2001

## NOTA 1

## DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 1.1 AKTIVITI UTAMA

Aktiviti utama Kolej Universiti Islam Malaysia ialah menawarkan Program Akademik dalam Pengajian Islam bagi melahirkan ilmuan Islam, menjalankan penyelidikan, penulisan dan penerbitan berkaitan dengan keislaman, menjalankan aktiviti khidmat masyarakat menerusi seminar, kursus, kuliah umum dan penebitan serta menyediakan khidmat rundingan kepakaran, penyelidikan dan penerbitan khususnya dalam bidang keilmuan Islam sebagai satu aktiviti untuk menjana pendapatan.

### 1.2 ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan Universiti ini telah disediakan menurut kelaziman kos sejarah dan mematuhi standard perakaunan yang diterima umum.

### 1.3 ASET TETAP DAN SUSUTNILAI

a. Aset tetap dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai pada tempoh semasa.

b. Setiap unit aset tetap yang memenuhi kriteria-kriteria aset tetap dari segi kos usia guna melebihi satu tahun akan dipermodalkan. Aset tetap yang tidak memenuhi kriteria-

kriteria aset tetap akan diambilkira sebagai perbelanjaan tempoh semasa.

c. Susutnilai bagi aset tetap dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna aset. Susutnilai dikira secara bulanan dalam tahun perolehan atau pembelian.

d. Kadar susutnilai tahunan aset tetap adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Infrastruktur | 20% |
| Ubahsuai Pejabat | 20% |
| Kenderaan & Jentera | 20% |
| Komputer & Rangkaian | 20% |
| Mesin Alat Pejabat | 20% |
| Perabot & Pasangan | 20% |
| Alat Bantuan Mengajar | 20% |
| Aset Asrama | 20% |
| Alat Pandang Dengar | 20% |
| Alat Perhubungan | 20% |

## NOTA 2

## ASET TETAP

## 2001 (Belum diaudit)

| PERKARA | INFRASTRUKTUR | UBAHSUAI PEJABAT | KENDERAAN DAN JENTERA | KOMPUTER DAN RANGKAIAN | MESIN/ ALAT PEJABAT | PERABOT DAN PASANGAN | ALAT BANTUAN MENGAJAR | ASET ASRAMA | ALAT PANDANG DENGAR | ALAT PERHUBUNGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | | | RM |
| Pada 1 Januari | 0.00 | 128,191.10 | 1,039,354.00 | 710,912.00 | 37,165.00 | 387,857.50 | 26,580.00 | 2,654.00 | 0.00 | 0.00 | 2,332,713.60 |
| Tambahan | 142,234.00 | 459,053.00 | 456018.60 | 719,091.00 | 80,568.00 | 940,630.57 | 9,600.00 | 368,326.00 | 42,460.00 | 36,851.00 | 3,254,832.17 |
| Pada 31 Disember | 142,234.00 | 587,244.10 | 1,495,372.60 | 1,430,003.00 | 117,733.00 | 1,328,488.07 | 36,180.00 | 370,980.00 | 42,460.00 | 36,851.00 | 5,587,545.77 |
| SUSUTNILAI | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 0.00 | 12,819.11 | 102,735.40 | 71,091.20 | 3,716.50 | 38,785.75 | 2,658.00 | 265.40 | 0.00 | 0.00 | 232,071.36 |
| Tambahan | 28,446.80 | 117,448.82 | 299,074.52 | 286,000.60 | 23,546.60 | 265,697.61 | 7,236.00 | 74,196.00 | 8,492.00 | 7,370.20 | 1,117,509.15 |
| Pada 31 Disember | 28,446.80 | 130,267.93 | 401,809.92 | 357,091.80 | 27,263.10 | 304,483.36 | 9,894.00 | 74,461.40 | 8,492.00 | 7,370.20 | 1,349,580.51 |
| NILAI BUKU BERSIH | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | 0.00 | 115,371.99 | 936,618.60 | 639,820.80 | 33,448.50 | 349,071.75 | 23,922.00 | 2,388.60 | 0.00 | 0.00 | 2,100,642.24 |
| Tambahan | 113,787.20 | 341,604.18 | 156,944.08 | 433,090.40 | 57,021.40 | 674,932.96 | 2,364.00 | 294,130.00 | 33,968.00 | 29,480.80 | 2,137,323.02 |
| Pada 31 Disember | 113,787.20 | 456,976.17 | 1,093,562.68 | 1,072,911.20 | 90,469.90 | 1,024,004.71 | 26,286.00 | 296,518.60 | 33,968.00 | 29,480.80 | **4,237,965.26** |

## 2001 (Telah diaudit)

| PERKARA | INFRASTRUKTUR | UBAHSUAI PEJABAT | KENDERAAN DAN JENTERA | KOMPUTER DAN RANGKAIAN | MESIN/ ALAT PEJABAT | PERABOT DAN PASANGAN | ALAT BANTUAN MENGAJAR | ASET ASRAMA | ALAT PANDANG DENGAR | ALAT PERHUBUNGAN | JUMLAH |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| KOS | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | | | RM |
| Pada 1 Januari | | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | | | 0.00 |
| Tambahan | | 128,191.10 | 1,039,354.00 | 710,912.00 | 37,165.00 | 387,857.50 | 26,580.00 | 2,654.00 | | | 2,332,713.60 |
| Pada 31 Disember | 0.00 | 128,191.10 | 1,039,354.00 | 710,912.00 | 37,165.00 | 387,857.50 | 26,580.00 | 2,654.00 | 0.00 | 0.00 | 2,332,713.60 |
| SUSUTNILAI | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | | | 0.00 |
| Tambahan | | 12,819.11 | 102,735.40 | 71,091.20 | 3,716.50 | 38,785.75 | 2,658.00 | 265.40 | | | 232,071.36 |
| Pada 31 Disember | 0.00 | 12,819.11 | 102,735.40 | 71,091.20 | 3,716.50 | 38,785.75 | 2,658.00 | 265.40 | 0.00 | 0.00 | 232,071.36 |
| NILAI BUKU BERSIH | | | | | | | | | | | |
| Pada 1 Januari | | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | 0.00 | | | 0.00 |
| Tambahan | | 115,371.99 | 936,618.60 | 639,820.80 | 33,448.50 | 349,071.75 | 23,922.00 | 2,388.60 | | | 2,100,642.24 |
| Pada 31 Disember | 0.00 | 115,371.99 | 936,618.60 | 639,820.80 | 33,448.50 | 349,071.75 | 23,922.00 | 2,388.60 | 0.00 | 0.00 | **2,100,642.24** |

## NOTA 3

## TUNAI DAN BANK

Terdiri daripada:

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| i) Wang Runcit | 1,000.00 | 500.00 |
| ii) Akaun Bank Pengurusan Induk | 5,266,210.15 | 1,255,704.96 |
| | **5,267,210.15** | **1,256,204.96** |

## NOTA 4

## SIMPANAN TETAP

Bagi mendapatkan pulangan faedah yang maksima ke atas wang tunai yang tersimpan, pelaburan telah dibuat di dalam Simpanan Tetap di sebuah institusi kewangan tempatan seperti berikut:

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| Jumlah Pelaburan | 2,031,319.66 | 2,000,000.00 |
| Campur: Pulangan faedah/hibah pada tempoh semasa | 61,443.90 | 31,319.66 |
| Jumlah pelaburan pada 31/12 | **2,092,763.56** | **2,031,319.66** |

## NOTA 5

## DEPOSIT DAN BAYARAN TERDAHULU

Terdiri daripada:

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| i) Deposit Elektrik | 3,000.00 | 3,000.00 |
| ii) Deposit Sewa | 830,440.60 | 52,800.00 |
| iii) Deposit Air | 67,398.00 | 0.00 |
| iv) Deposit Ubahsuai | 5,000.00 | 0.00 |
| v) Pelbagai Deposit | 1,000.00 | 0.00 |
| vi) Bayaran Terdahulu | 2,100.00 | 0.00 |
| | **908,938.60** | **55,800.00** |

## NOTA 6

## PELBAGAI PENGHUTANG DAN ASET SEMASA

Terdiri daripada:

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| i) Penghutang Pendahuluan Kakitangan | 36,733.02 | 45,020.80 |
| ii) Penghutang Pendahuluan Persatuan Pelajar | 2,375.00 | 2,342.00 |
| iii) Penghutang Pembekal | 27,300.00 | 0.00 |
| iv) Faedah Belum Diterima | 1288.91 | 0.00 |
| | **67,696.93** | **47,362.80** |

## NOTA 7

## PENGHUTANG PELAJAR

Terdiri daripada:

| | 2001 | 2000 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | (Belum diaudit) | (Telah diaudit) |
| i) Pelajar Tahun Satu | 63,396.00 | 283,689.00 |
| ii) Pelajar Tahun Dua | 37,365.00 | 0.00 |
| | **100,761.00** | **283,689.00** |

## NOTA 8

## PEMIUTANG

Terdiri daripada:

| | 2001 | 2000 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| | (Belum diaudit) | (Telah diaudit) |
| **Pembekal Luar** | **295,323.89** | **561,953.11** |
| **Lain-lain Pemiutang** | **29,455.00** | **0.00** |
| | **324,778.89** | **561,953.11** |

## NOTA 9

## KUMPULAN WANG PENGURUSAN

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari | 7,232,000.00 | 0.00 |
| Tambahan | 13,821,000.00 | 7,232,000.00 |
| Pada 31 Disember | **21,053,000.00** | **7,232,000.00** |

## NOTA 10

## PELBAGAI TABUNG DAN AKAUN AMANAH

Terdiri daripada:

| | | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|---|
| i) | Tabung Biasiswa | 0.00 | 6,115.00 |
| ii) | Program Pembangunan Sahsiah Pelajar | 14,700.00 | 8,400.00 |
| iii) | Tabung Kebajikan Pelajar | 2,685.00 | 980.00 |
| iv) | Tabung Pengetua | 52,054.50 | 0.00 |
| v) | Tabung Pinjaman Kenderaan | 74,166.76 | 0.00 |
| vi) | Tabung Pinjaman Komputer | (98.10) | 0.00 |
| | | **143,508.16** | **15,495.00** |

## NOTA 11

## SKIM LATIHAN AKADEMIK BUMIPUTRA (SLAB)

| | 2001<br>RM<br>(Belum diaudit) | 2000<br>RM<br>(Telah diaudit) |
|---|---|---|
| Pada 1 Januari | 100,00.00 | 0.00 |
| Tambahan | 300,000.00 | 100,000.00 |
| Pada 31 Disember | **400,000.00** | **100,000.00** |

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية بماليزيا

ISLAMIC UNIVERSITY COLLEGE OF MALAYSIA

www.kuim.edu.my

Tingkat 15, Menara A, Persiaran MPAJ, Jalan Pandan Utama, Pandan Indah, 55100 Kuala Lumpur
Tel : 03-4289 2000   Fax : 03-4280 1014 / 03-42892153
Laman Web : www.kuim.edu.my